

# AKTA KESATUAN SEKERJA 1959

(Akta 262)

## SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

### BAHAGIAN I

ajuk ringkas.

### BAHAGIAN II

#### PERLANTIKAN KETUA PENGARAH DAN PEGAWAI-PEGAWAI LAIN

3. Perlantikan Ketua Pengarah.
4. Perlantikan Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai lain.
- 4A. Kuasa-kuasa Ketua Pengarah.
5. Semua pegawai hendaklah menjadi penjawat awam.
6. Perlindungan penjawat-penjawat awam.

### BAHAGIAN III

#### PENDAFTARAN

7. Daftar Kesatuan Sekerja.
8. Perlunya pendaftaran.
9. Tarikh penubuhan kesatuan sekerja.
10. Permohonan bagi pendaftaran.
11. Peruntukan sementara berhubung dengan pengutipan wang.
12. Pendaftaran.
13. Sijil pendaftaran.
14. Kuasa Ketua Pengarah untuk meminta butir-butir lanjut.
15. Pembatalan pendaftaran.
16. Larangan ke atas aktiviti-aktiviti semasa tempoh notis pembatalan yang dicadang atau penentuan rayuan.

## Seksyen

17. Penggantungan sesuatu cawangan kesatuan sekerja.
18. Kuasa Menteri menggantung sesuatu kesatuan sekerja.
19. Akibat kegagalan untuk mendaftar atau pembatalan pendaftaran.

## BAHAGIAN IV

### HAK DAN LIABILITI KESATUAN SEKERJA

20. Hilangupaya kesatuan yang tidak berdaftar.
21. Imuniti daripada guaman sivil dalam kes keadaan tertentu.
22. Liabiliti berasaskan tort.
23. Liabiliti berasaskan kontrak.
24. Tujuan penyekatan perniagaan tidak menyalahi undang-undang berkenaan dengan kesatuan sekerja berdaftar.
25. Prosiding oleh dan terhadap kesatuan sekerja.
- 25A. Mogok dan tutup-pintu.

## BAHAGIAN V

### KEANGGOTAAN

26. Keanggotaan seseorang belum dewasa.
27. Keanggotaan pegawai-pegawai awam dan pekerja pihak berkuasa berkanun.
28. Pegawai-pegawai.
29. Pekerja-pekerja suatu kesatuan sekerja.
30. Kuasa Menteri berhubung dengan dengan seksyen 28 dan 29.
31. Pertukaran nama.
32. Penyatuan.
33. Pemindahan perjanjian-perjanjian.
34. Notis pertukaran nama atau penyatuan.
35. (Dimansuhkan).
36. Kesan pertukaran nama atau penyatuan.
37. Pejabat berdaftar.
38. Kaedah-kaedah.

*Seksyen*

39. *(Dimansuhkan)*.
40. Undi sulit.
- 40A. Pengenaan levi.
41. Pemberitahuan mengenai pertukaran pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja.
42. Pemberitahuan mengenai pembubaran.
43. Pemegang amanah.

**BAHAGIAN VI**

**PERTIKAIAN**

44. Keputusan pertikaian.
45. Kuasa-kuasa Mahkamah dan Ketua Pengarah berhubung dengan pertikaian.
46. Tafsiran "pertikaian" bagi maksud Bahagian ini.

**BAHAGIAN VII**

**HARTA**

47. Semua harta yang diletakhakkan kepada pemegang amanah.
48. Devolusi harta.
49. Pelaburan wang.

**BAHAGIAN VIII**

**WANG DAN AKAUN**

50. Pemakaian wang.
- 50A. Kutipan dana dan wang.
51. Larangan untuk membayar denda atau penalti.
52. Larangan menggunakan wang bagi tujuan politik.
53. Injuksi untuk menyekat penyalahgunaan wang.
54. Penyimpanan wang kesatuan sekerja berdaftar.
55. Kewajipan untuk memberi akaun.
56. Penyata tahunan hendaklah disediakan sebagaimana diarahkan oleh Ketua Pengarah.
57. Penyimpanan dan pemeriksaan akaun dan rekod.

**BAHAGIAN IX**  
**PERATURAN-PERATURAN**

*Seksyen*

58. Peraturan-peraturan.

**BAHAGIAN X**  
**KESALAHAN DAN PENALTI**

59. Tindakan yang dilakukan sebelum pendaftaran.  
60. Penyalahgunaan wang atau harta suatu kesatuan sekerja berdaftar.  
61. Memberikan maklumat palsu mengenai kesatuan sekerja.  
62. Kegagalan untuk menyerah nyata.  
63. Penalti am.  
64. Pendakwaan dan kuasa memasuki premis-premis.  
65. Kecualian mengenai kesalahan di bawah undang-undang bertulis yang lain.

**BAHAGIAN XI**  
**PELBAGAI**

66. Akta tidak menyentuh perjanjian-perjanjian tertentu atau memberi kuasa kepada tindakan di luar kaedah-kaedah.  
67. Perundangan berhubung dengan persatuan dan syarikat tidak dipakai kepada kesatuan sekerja.  
68. Penyampaian proses undang-undang.  
68A. Menyampaikan saman yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.  
69. Pemberitahuan di dalam *Warta*.  
70. Pemeriksaan, pengeluaran dan keterangan dokumen-dokumen Ketua Pengarah.  
71. Kuasa Ketua Pengarah untuk memanggil saksi-saksi.  
71A. Rayuan kepada Menteri.

**BAHAGIAN XII**  
**PERSEKUTUAN KESATUAN SEKERJA**

72. Pembentukan persekutuan kesatuan sekerja.  
73. Pendaftaran persekutuan kesatuan sekerja.  
74. Gabungan dengan persekutuan kesatuan sekerja berdaftar.

### *Seksyen*

75. Peruntukan dan penalti yang boleh dipakai kepada persekutuan kesatuan sekerja.
76. Keputusan melalui undi sulit.

### BAHAGIAN XIII

#### BADAN PERUNDING

- 76A. Larangan terhadap pembentukan atau gabungan dengan badan perunding atau badan seumpamanya.
- 76B. Permohonan kebenaran untuk membentuk atau bergabung dengan badan-badan perunding.
- 76C. Kuasa Ketua Pengarah untuk menarik balik kebenaran atau mengisytiharkan gabungan tak sah.
- 76D. Kewajipan untuk memberitahu Ketua Pengarah mengenai perlington ke jawatan atau bekerja di badan perunding.
- 76E. Pemakaian Akta Pertubuhan 1966 ke atas badan perunding.
- 76F. Tafsiran perunding atau badan seumpamanya.

### BAHAGIAN XIII

#### PERUNTUKAN PERALIHAN DAN PEMANSUHAN

77. Peruntukan peralihan yang berhubungan dengan kesatuan sekerja yang wujud.
78. Peruntukan peralihan berhubungan dengan persekutuan yang ada.
79. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA — Perkara-perkara di mana peruntukan mesti dibuat dalam kaedah-kaedah tiap-tiap kesatuan sekerja berdaftar.

JADUAL KEDUA — (*Dimansuhkan*).

JADUAL KETIGA.

*Halaman ini dibiarkan kosong dengan sengaja.*

# AKTA KESATUAN SEKERJA 1959

(Akta 262)

Suatu Akta yang berhubungan dengan kesatuan sekerja.

[Malaysia Barat — 1hb Jun 1959 — P.U. 192/59;  
Sabah 25hb Mac 1965 — P.U. 115/65;  
Sarawak — 19hb Ogos 1965 — P.U. 311/65]

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

#### 1. Tajuk ringkas.

Akta ini bolehlah dinamakan **Akta Kesatuan Sekerja 1959**.

#### 2. Tafsiran.

(1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain atau ianya diperuntukkan selainnya dengan nyata—

“daftar” ertinya daftar kesatuan sekerja yang disenggarakan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 7;

“eksekutif” ertinya badan, yang dipanggil dengan apa-apa nama pun, yang diamanahkan dengan pengurusan hal-ehwal sesuatu kesatuan sekerja atau mana-mana cawangannya;

“kerajaan” ertinya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;

“kesatuan sekerja” atau “kesatuan” ertinya apa-apa pertubuhan atau gabungan orang-orang kerja atau majikan-majikan, iaitu orang-orang kerja di mana tempat pekerjaan mereka adalah di Malaysia Barat, Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan, atau majikan-majikan yang mengambil kerja orang-orang kerja di Malaysia Barat, Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan—

- (a) dalam mana-mana penubuhan, tred, pekerjaan atau industri yang tertentu atau dalam apa-apa tred, pekerjaan atau industri yang serupa; dan
- (b) sama ada secara sementara atau tetap; dan
- (c) yang mempunyai di antara tujuan-tujuannya satu atau lebih daripada tujuan-tujuan yang berikut—

[Pind. Akta  
A1324]

- (i) peraturan perhubungan di antara orang-orang kerja dengan majikan-majikan, bagi maksud menggalakkan perhubungan perusahaan yang baik dan harmoni di antara orang-orang kerja dan majikan-majikan, memperbaiki syarat-syarat pekerjaan orang-orang kerja atau memperbaiki status ekonomi dan sosial mereka, atau meningkatkan produktiviti;
- (ia) peraturan perhubungan di antara orang-orang kerja dan orang-orang kerja, atau di antara majikan-majikan dan majikan-majikan;
- (ii) perwakilan sama ada orang-orang kerja atau majikan-majikan dalam pertikaian-pertikaian tred;
- (iia) menjalankan, atau menguruskan dengan, pertikaian-pertikaian tred dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya; atau
- (iii) menggalakkan atau mengaturkan atau membiayai mogok atau tutup-pintu dalam mana-mana tred atau industri atau peruntukan gaji atau faedah-faedah lain bagi ahli-ahlinya semasa suatu mogok atau tutup-pintu;

“kesatuan sekerja berdaftar” ertinya suatu kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah Akta ini;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja yang dilantik di bawah seksyen 3 dan termasuk seorang Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Penolong Pengarah Kesatuan Sekerja, dan Pegawai Kesatuan Sekerja, yang dilantik di bawah seksyen 4;



“Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan” ertinya Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 2A (1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967<sup>1</sup>;

“levi” ertinya apa-apa sumbangan mandatori, selain daripada fi kemasukan anggota atau subskripsi, yang dikenakan oleh kesatuan sekerja ke atas anggota-anggotanya; [Mas  
A13

“majikan” ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang mengambil kerja seorang kerja, dan termasuklah kerajaan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun;

“Malaysia Barat” mempunyai pengertian yang diberi kepadanya dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967<sup>2</sup> dan termasuklah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi sumber manusia; [Pind.  
A132

*9c*  
“mogok” ertinya pemberhentian kerja oleh suatu kumpulan orang-orang kerja yang bertindak dalam gabungan, atau suatu keengganan yang difahamkan atau suatu keengganan di bawah suatu fahaman bersama oleh sebilangan orang-orang kerja untuk berhenti bekerja atau untuk menerima pekerjaan, dan termasuklah apa-apa tindakan atau peninggalan oleh suatu kumpulan orang-orang kerja yang bertindak dalam gabungan atau di bawah suatu fahaman bersama, yang bertujuan untuk atau telah mengakibatkan apa-apa pembatasan, sekatan, pengurangan atau pemberhentian, atau pembesaran dalam, pelaksanaan kesemua atau mana-mana bahagian tugas-tugas yang berkaitan dengan pekerjaan mereka;

“orang” ertinya seorang individu, perbadanan, pihak berkuasa berkanun, masyarakat, kesatuan sekerja, koperasi, firma dan mana-mana badan, organisasi, persatuan atau kumpulan orang-orang lain, sama ada korporat atau bukan korporat; [Mas.  
A1324

“orang kerja” ertinya mana-mana orang yang, termasuk seseorang perantis, yang diambil kerja oleh seseorang majikan di bawah suatu kontrak pekerjaan yang bekerja untuk mendapatkan

upah atau ganjaran dan bagi tujuan-tujuan mana-mana prosiding berkaitan dengan pertikaian tred termasuk mana-mana orang yang telah dipecat, ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja berhubung dengan atau oleh sebab pertikaian tersebut atau yang mana pemecatan, penamatan perkhidmatan atau pembuangan pekerjaan telah membawa kepada pertikaian tersebut;

“pegawai”, apabila digunakan dengan rujukan kepada sesuatu kesatuan sekerja, ertinya mana-mana ahli eksekutifnya, tetapi tidak termasuk seorang auditor;

“pegawai awam” ertinya seseorang dalam pekerjaan yang tetap atau sementara dalam mana-mana kerajaan di dalam Malaysia;

“pejabat berdaftar” ertinya pejabat sesuatu kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah Akta ini sebagai ibu pejabat kesatuan sekerja;

“pekerja”, apabila digunakan dengan rujukan kepada sesuatu kesatuan sekerja atau parti politik ertinya mana-mana orang yang diambil bagi upah atau ganjaran secara penuh masa atau separuh masa;

“pemegang amanah” ertinya pemegang amanah yang dilantik di bawah kaedah-kaedah suatu kesatuan sekerja berdaftar yang dibuat menurut seksyen 43;

“pemegang jawatan”, apabila digunakan dengan rujukan kepada suatu parti politik, ertinya mana-mana orang yang adalah presiden, naib presiden, setiausaha, penolong setiausaha, bendahari atau penolong bendahari parti politik, atau yang memegang apa-apa jawatan atau pangkat, yang dipanggil dengan apa-apa nama jua, yang mempunyai persamaan dengan mana-mana yang disebutkan di atas, atau politik yang mana dia menjalankan pengurusan atau kawalan hal-ehwal parti politik itu;

“penubuhan” ertinya mana-mana tempat perniagaan atau pekerjaan kepunyaan majikan dan termasuk mana-mana bahagian atau cawangannya;

“peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 58;

“pertikaian tred” ertinya apa-apa pertikaian di antara seorang majikan dengan orang-orang kerjanya yang berkaitan dengan pekerjaan atau bukan pekerjaan atau terma-terma pekerjaan atau syarat-syarat pekerjaan mana-mana orang-orang kerja itu;

“pihak berkuasa berkanun” ertinya mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan, dilantik atau dilembagakan oleh mana-mana undang-undang bertulis, dan termasuklah mana-mana pihak berkuasa tempatan;

“tutup-pintu” ertinya—

- (a) penutupan sesuatu tempat pekerjaan;
- (b) penggantungan kerja; atau
- (c) keengganan seseorang majikan untuk terus mengambil kerja sesuatu bilangan orang-orang kerja yang diambil kerja olehnya,

sebagai lanjutan suatu pertikaian tred, yang dilakukan dengan niat untuk memaksa orang-orang kerja itu menerima terma-terma atau syarat-syarat atau yang mengakibatkan pekerjaan;

“wang”, apabila digunakan berhubungan dengan dana sesuatu kesatuan sekerja termasuklah segala wang yang dikutip atau diterima oleh kesatuan sekerja atau mana-mana cawangannya daripada mana-mana sumber, termasuk hasil-hasil apa-apa pelaburan atau benda lain yang dilakukan di bawah seksyen 49(1).

(2) Bagi maksud-maksud tafsiran “kesatuan sekerja” dalam subseksyen (1) dan bagi maksud-maksud seksyen 32, 33, 72 dan 74, “serupa” ertinya serupa mengikut pendapat Ketua Pengarah.

## BAHAGIAN II

### PERLANTIKAN KETUA PENGARAH DAN PEGAWAI- PEGAWAI LAIN

#### 3. Perlantikan Ketua Pengarah.

(1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja yang hendaklah mengawalselia, mengarah dan mengawal secara amnya perkara-perkara berhubung dengan kesatuan sekerja di seluruh Malaysia.

[Mas. Akta  
A1324]

(2) Semasa ketiadaan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja, Timbalan Ketua Pengarah hendaklah mempunyai segala kuasa dan boleh menjalankan semua tugas dan melaksanakan semua fungsi yang diberikan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja di bawah Akta ini.

#### 4. Perlantikan Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai- pegawai lain.

[Pind. Akta  
A1324]

(1) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik satu atau lebih Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Kanan Pengarah dan Penolong Pengarah Kesatuan Sekerja, Pegawai-pegawai Kesatuan Sekerja dan pegawai-pegawai lain sebagaimana yang boleh dari semasa ke semasa diperlukan bagi maksud-maksud Akta ini.

(2) Tertakluk kepada apa-apa had, jika ada, sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh peraturan-peraturan, mana-mana Ketua Pengarah yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah dilaksanakan segala kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi yang dikenakan dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah Akta ini, dan tiap-tiap kewajipan dan fungsi yang dilaksanakan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilaksanakan dan dijalankan dengan sepenuhnya bagi maksud-maksud Akta.

#### 4A. Kuasa-kuasa Ketua Pengarah.

Sebagai tambahan kepada kuasa, kewajipan dan fungsi yang diberi kepada Ketua Pengarah oleh Akta ini dan mana-mana

peraturan, Ketua Pengarah hendaklah mempunyai dan bolehlah menjalankan segala kuasa sedemikian, menunaikan segala tugas dan melaksanakan segala fungsi sedemikian yang perlu bagi maksud memberi kuatkuasa kepada dan menjalankan peruntukan-peruntukan Akta ini.

#### **5. Semua pegawai hendaklah menjadi penjawat awam.**

Semua pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3 dan 4 hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam bagi maksud-maksud Kanun Keseksaan<sup>1</sup>.

#### **6. Perlindungan penjawat-penjawat awam.**

Tiada apa jua guaman pun boleh dibawa terhadap mana penjawat awam bagi apa-apa yang dilakukan atau tidak dilakukan olehnya secara suci hati tanpa kecuaiian dan bertujuan menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa tugas yang diperuntukkan atau dikenakan oleh Akta ini.

### **BAHAGIAN III**

#### **PENDAFTARAN**

#### **7. Daftar Kesatuan Sekerja.**

(1) Ketua Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggara-kan mengikut borang sebagaimana yang boleh ditetapkan, suatu daftar kesatuan-kesatuan sekerja yang hendak didaftarkan—

- (a) butir-butir yang ditetapkan berhubungan dengan mana-mana kesatuan sekerja;
- (b) apa-apa pengubahan atau pertukaran yang boleh dibuat terhadap butir-butir tersebut dari semasa ke semasa; dan
- (c) semua perkara-perkara lain yang perlu didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Suatu salinan mana-mana catatan dalam daftar yang diperakui hendaklah menjadi bukti muktamad mengenai fakta-fakta yang ditetapkan di dalamnya seperti pada tarikh salinan yang diperakui itu.

<sup>1</sup> Akta 574

## **8. Perlunya pendaftaran.**

(1) Tiap-tiap kesatuan sekerja yang ditubuhkan selepas Akta ini mula berkuatkuasa hendaklah memohon untuk didaftarkan di bawah Akta ini dalam tempoh satu bulan dikira dari tarikh ianya ditubuhkan.

(2) Ketua Pengarah boleh jika difikirkan patut dari semasa ke semasa membenarkan perlanjutan tempoh yang ditetapkan di dalam subseksyen (1):

Dengan syarat bahawa tempoh tersebut tidak boleh dalam sebarang keadaan, dilanjutkan sehingga melebihi suatu tempoh enam bulan agregat.

## **9. Tarikh penubuhan kesatuan sekerja.**

(1) Bagi maksud-maksud Akta ini, sesuatu kesatuan sekerja ditubuhkan pada tarikh pertama yang mana-mana orang-orang kerja atau majikan-majikan bersetuju untuk menjadi atau mewujudkan suatu pertubuhan atau gabungan di dalam mana-mana penubuhan, tred, pekerjaan atau industri, dan sama ada sementara atau tetap, sebagai lanjutan kepada salah satu atau lebih tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam tafsiran kesatuan sekerja di bawah seksyen 2.

(2) Bagi maksud mendakwa mana-mana kesatuan sekerja yang gagal untuk memohon supaya didaftarkan di bawah seksyen 8, tarikh penubuhan kesatuan sekerja itu, dengan tiadanya bukti mengenai tarikh yang dirujuk di bawah subseksyen (1), hendaklah disifatkan sebagai—

(a) tarikh di mana seseorang itu dibuktikan telah diterima atau diperakui sebagai ahli kesatuan sekerja itu; atau

(b) tarikh di mana suatu tindakan dibuktikan telah dilakukan oleh kesatuan sekerja itu sebagai lanjutan kepada salah satu atau lebih tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam tafsiran kesatuan sekerja di bawah seksyen 2;

dan di dalam kes di mana bukti boleh diperolehi mengenai kedua-dua tarikh yang dirujuk dalam perenggan-perenggan (a) dan (b).

tarikh yang lebih awal di antara tarikh-tarikh tersebut hendaklah disifatkan sebagai tarikh penubuhan kesatuan sekerja itu.

#### 10. Permohonan bagi pendaftaran.

(1) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran sesuatu pertubuhan, gabungan atau persatuan sebagai suatu kesatuan sekerja hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam bentuk yang ditetapkan, dan hendaklah ditandatangani oleh sekurang-kurangnya tujuh orang anggota kesatuan itu, yang mana di antaranya boleh terdiri daripada pegawai-pegawainya.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan bersamanya fee sebagaimana yang ditetapkan dan satu salinan bercetak dalam bahasa kebangsaan kaedah-kaedah kesatuan sekerja itu yang ditandatangani oleh anggota kesatuan sekerja yang membuat permohonan itu dan suatu penyata butir-butir berikut iaitu—

[Pind.  
A132.

- (a) nama, jawatan dan alamat ahli-ahli yang membuat permohonan;
- (b) nama kesatuan sekerja itu dan alamat ibu pejabatnya; dan
- (c) titel, nama, umur, alamat dan jawatan pegawai-pegawai kesatuan sekerja itu, dan maklumat lain sedemikian mengenai pegawai-pegawai sedemikian yang diperlukan supaya diberi oleh Ketua Pengarah dalam sesuatu kes.

#### 11. Peruntukan sementara berhubungan dengan pengutipan wang.

Di antara tarikh penubuhan suatu kesatuan sekerja di bawah seksyen 90 dan tarikh sesuatu sijil yang dikeluarkan di bawah seksyen 13 atau tarikh penerimaan notis bertulis daripada Ketua Pengarah oleh seseorang atau orang-orang yang membuat permohonan bahawa permohonan pendaftaran kesatuan sekerja itu telah ditolak, mengikut mana yang berkenaan, tiada seseorang pun boleh mengelolakan atau mengambil bahagian dalam pengutipan wang atau harta lain untuk atau bagi pihak kesatuan sekerja tersebut tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah terdahulu

dan tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(2) *(Dimansuhkan).*

(3) *(Dimansuhkan)*

## **12. Pendaftaran.**

(1) Ketua Pengarah boleh, apabila menerima sesuatu permohonan di bawah seksyen 10, dan tertakluk kepada seksyen ini boleh mendaftar kesatuan sekerja itu mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Ketua Pengarah boleh menolak daripada mendaftar sesuatu kesatuan sekerja jika dia berpuas hati bahawa telah ada suatu kesatuan sekerja mewakili orang-orang kerja dalam penubuhan, tred, pekerjaan atau industri tertentu itu dan bukan menjadi kepentingan orang-orang kerja di dalam penubuhan, tred, pekerjaan atau industri tertentu itu untuk mengadakan suatu lagi kesatuan sekerja yang lain berkenaan dengannya.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menolak daripada mendaftar suatu kesatuan sekerja jika—

(a) dia berpendapat bahawa kesatuan sekerja itu mungkin akan digunakan bagi maksud-maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi maksud-maksud yang bertentangan atau tak konsisten dengan tujuan dan peraturannya;

(b) sesuatu tujuan kesatuan sekerja itu menyalahi undang-undang;

(c) dia tidak berpuas hati bahawa kesatuan sekerja itu telah mematuhi Akta ini dan peraturan-peraturannya;

(d) dia berpuas hati bahawa tujuan, kaedah dan keanggotaan kesatuan sekerja itu bercanggah dengan mana-mana peruntukan Akta atau dengan mana-mana peraturannya; atau

(e) nama di bawah mana kesatuan sekerja itu akan didaftarkan adalah—



- (i) sama dengan mana-mana kesatuan sekerja lain yang ada, atau hampir-hampir menyerupai nama kesatuan sekerja lain tersebut yang pada pendapat Ketua Pengarah, berkemungkinan akan memperdayakan orang awam atau ahli-ahli salah sebuah kesatuan sekerja itu; atau hampir-hampir menyerupai nama kesatuan sekerja lain tersebut yang pada pendapat Ketua Pengarah, berkemungkinan akan memperdayakan orang awam atau ahli-ahli salah sebuah kesatuan sekerja itu; atau
- (ii) pada pendapat Ketua Pengarah, ianya tidak diinginkan,

melainkan jika kesatuan sekerja itu mengubah namanya kepada sesuatu yang boleh diterima oleh Ketua Pengarah.

### **13. Sijil Pendaftaran.**

Ketua Pengarah, apabila mendaftarkan sesuatu kesatuan sekerja di bawah seksyen 12 hendaklah mengeluarkan kepada kesatuan sekerja itu suatu pengakuan pendaftaran dalam borang yang ditetapkan dan pengakuan itu, melainkan jika dibuktikan bahawa ianya telah dibatalkan atau ditarikbalik hendaklah menjadi keterangan muktamad bagi semua maksud bahawa kesatuan sekerja itu telah didaftarkan dengan sempurna di bawah Akta ini.

### **14. Kuasa Ketua Pengarah untuk meminta butir-butir lanjut.**

Ketua Pengarah boleh meminta untuk maklumat lanjut bagi maksud memuaskan hatinya bahawa sesuatu permohonan itu mematuhi Akta ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya atau bahawa kesatuan sekerja itu berhak didaftarkan di bawah Akta ini.

### **15. Pembatalan pendaftaran.**

(1) Suatu perakuan pendaftaran sesuatu kesatuan sekerja boleh dibatalkan atau ditarikbalik oleh Ketua Pengarah—

(a) atas permintaan kesatuan sekerja itu apabila ianya dibubarkan yang harus disahkan dengan cara yang diperlukan oleh Ketua Pengarah;

(b) jika dia berpuas hati—

- (i) bahawa pengakuan pendaftaran itu diperolehi atau dikeluarkan dengan cara khilaf atau fraud;
- (ii) bahawa salah satu daripada tujuan atau kaedah kesatuan sekerja itu menyalahi undang-undang;
- (iii) bahawa keanggotaan kesatuan sekerja itu atau eksekutif-eksekutifnya menyalahi undang-undang;
- (iv) bahawa kesatuan sekerja itu telah atau sedang atau mungkin akan digunakan bagi sesuatu maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi sesuatu maksud yang bercanggah dengan tujuan dan kaedahnyanya;
- (v) bahawa kesatuan sekerja itu telah melanggar sesuatu peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau apa-apa kaedahnya, atau membenarkan sesuatu kaedah yang bercanggah dengan peruntukan sedemikian terus berkuatkuasa, atau telah membatalkan sesuatu kaedah yang membuat peruntukan bagi sesuatu perkara yang mana peruntukan diperlukan di bawah seksyen 38;
- (vi) bahawa wang kesatuan sekerja itu dibelanjakan atau telah dibelanjakan dengan cara yang menyalahi undang-undang atau atas tujuan yang menyalahi undang-undang atau atas tujuan yang tidak dibenarkan oleh kaedah-kaedah kesatuan itu;
- (vii) bahawa kesatuan sekerja itu tidak wujud lagi; atau

[Mas. Akta  
A1324]

(c) apabila penyatuan kesatuan sekerja di bawah subseksyen 34(4) atau pembubaran kesatuan sekerja di bawah seksyen 42.

(2) Jika dua atau lebih kesatuan sekerja yang didaftarkan berkenaan dengan suatu penubuhan, tred, pekerjaan atau industri tertentu wujud, mengikut mana yang berkenaan, Ketua Pengarah

boleh, jika dia berpuas hati bahawa adalah dalam kepentingan orang-orang kerja penubuhan, tred, pekerjaan, atau industri tersebut untuk berbuat sedemikian—

- (a) membatalkan pengakuan pendaftaran kesatuan sekerja itu atau kesatuan-kesatuan sekerja selain daripada kesatuan sekerja yang mempunyai bilangan orang-orang kerja yang terbesar sebagai ahlinya di dalam penubuhan, tred, pekerjaan atau industri; atau
- (b) mengeluarkan suatu perintah yang memerlukan kesatuan sekerja itu atau kesatuan-kesatuan sekerja selain daripada kesatuan sekerja yang mempunyai bilangan orang-orang kerja yang terbesar sebagai ahlinya di dalam tred, pekerjaan, industri atau tempat pekerjaan tersebut memecat daripada daftar keahlian ahli-ahli yang diambil kerja dalam penubuhan, tred, pekerjaan atau industri itu, dan selepas daripada itu kesatuan sekerja atau kesatuan-kesatuan sekerja yang diperintahkan sedemikian tidak boleh mendaftarkan sebagai ahli orang-orang kerja dalam penubuhan, tred, pekerjaan atau industri yang sama melainkan dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah; suatu perintah di bawah perenggan ini hendaklah mula berkuatkuasa dan berjalan kuatkuasa sepenuhnya walau apa pun peruntukan peraturan-peraturan kesatuan sekerja yang berkenaan.

(2A) Jika Ketua Pengarah bercadang untuk membatalkan atau menarik balik perakuan pendaftaran sesuatu kesatuan sekerja di bawah subseksyen (1)(b) atau subseksyen (2)(a), maka dia hendaklah memberi kepada kesatuan sekerja itu tidak kurang daripada tiga puluh hari notis sebelum itu secara bertulis menyatakan alasan atas mana dia bercadang untuk membatalkan atau menarik balik perakuan pendaftarannya sebelum perakuan tersebut dibatalkan atau ditarikbalik.

(2B) Jika Ketua Pengarah bercadang untuk mengeluarkan suatu perintah kepada sesuatu kesatuan sekerja di bawah subseksyen (2)(b), maka dia hendaklah sebelum perintah sedemikian dikeluarkan, memberitahu kesatuan sekerja itu berkenaan dengan

niatnya untuk berbuat demikian dan hendaklah memberinya suatu peluang untuk mengemukakan representasi sedemikian seperti mana yang kesatuan sekerja itu ingin buat terhadap perintah yang dikeluarkan.

(3) Suatu kesatuan sekerja yang telah diberikan suatu notis di bawah subseksyen (2A) boleh, pada bila-bila masa, dalam tempoh tiga puluh hari dikira dari tarikh notis tersebut, mengemukakan, sebab secara bertulis terhadap cadangan untuk membatalkan perakuan pendaftarannya itu, dan jika sebab tersebut dikemukakan, Ketua Pengarah boleh mengadakan siasatan yang dia anggapkan perlu dalam hal keadaan itu.

(4) Ketua Pengarah boleh, setelah habis tempoh tiga puluh hari yang disebut di bawah subseksyen (3), membatalkan perakuan pendaftaran sesuatu kesatuan sekerja yang telah gagal mengemukakan sebab di bawah subseksyen itu, atau yang setelah mengemukakan sebab, telah gagal untuk memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa perakuan pendaftaran itu tidak patut dibatalkan.

(5) Suatu perintah yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini yang membatalkan perakuan pendaftaran sesuatu kesatuan sekerja hendaklah ditarikahkan pada tarikh ianya dibuat, hendaklah menetapkan dengan ringkas alasan-alasan pembatalan perakuan pendaftaran itu dan hendaklah seterusnya disampaikan kepada kesatuan sekerja yang terlibat itu.

(6) *(Dimansuhkan)*

## **16. Larangan ke atas aktiviti-aktiviti semasa tempoh notis pembatalan yang dicadang atau penentuan rayuan.**

(1) Ketua Pengarah boleh, apabila atau selepas memberi apa-apa notis yang disebut di dalam seksyen 15(2A), perintah bahawa mana-mana kesatuan sekerja yang kepadanya notis sedemikian dialamatkan dilarang daripada menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh ditetapkan di dalam perintah sedemikian.

(2) Suatu pemberitahuan tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan satu salinan

perintah itu hendaklah disampaikan kepada kesatuan sekerja yang berkenaan dan hendaklah dilekatkan dengan cara yang tidak terlindung di sesuatu bangunan yang diduduki oleh kesatuan sekerja tersebut dan pada balai polis di mana bangunan itu terletak.

#### **17. Penggantungan sesuatu cawangan kesatuan sekerja.**

(1) Ketua Pengarah boleh, jika dia berpuas hati bahawa suatu cawangan kesatuan sekerja telah melanggar peruntukan-peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah kesatuan itu, dengan perintah mengarahkan penggantungan cawangan sedemikian.

(2) Perintah penggantungan yang dibuat di bawah subseksyen (1)—

(i) boleh mengandungi arahan-arahan yang Ketua Pengarah anggapkan manfaat; dan

(ii) hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan dengan sempurna jika ianya dihantar ke pejabat berdaftar kesatuan sekerja itu atau jika ianya diserahkan dengan sendiri kepada mana-mana pegawai cawangan itu.

(3) Perintah penggantungan boleh dibatalkan oleh Ketua Pengarah pada bila-bila masa.

(4) Sehingga perintah penggantungan itu dibatalkan oleh Ketua Pengarah, cawangan kesatuan sekerja yang berkenaan dengannya perintah penggantungan itu dibuat, hendaklah dilarang daripada menjalankan apa-apa aktiviti, melainkan yang ditetapkan dalam perintah penggantungan itu.

#### **18. Kuasa Menteri menggantung sesuatu kesatuan sekerja.**

(1) Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini, adalah sah di sisi undang-undang bagi Menteri mengikut budi bicara sepenuhnya, tapi dengan persetujuan Menteri yang bertanggungjawab atas keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* untuk menggantung bagi suatu tempoh tidak lebih daripada enam bulan sesuatu kesatuan sekerja, atau sesuatu kelas atau perihal kesatuan-kesatuan sekerja.

yang pada pendapatnya, telah atau sedang, digunakan bagi maksud-maksud yang memudaratkan atau tidak selaras dengan kepentingan keselamatan atau ketenteraman awam di Malaysia atau mana-mana bahagiannya.

(2) Jika pada pendapat Menteri desakan keadaan memerlukan, Menteri boleh menguatkuasakan perintah sedemikian sebaik sahaja apabila ianya dibuat dan sebelum disiarkan dalam *Warta*, tetapi setelah menyiapkan dengan cara sebagaimana Menteri fikirkan patut.

(3) Jika Menteri membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) dia boleh, sama ada pada masa membuat perintah itu atau pada bila-bila masa terkemudian daripada itu, memberi arahan-arahan yang bersifat tambahan atau sampingan atau sebaliknya, yang dia boleh sifatkan sebagai perlu dan bermanfaat, termasuk arahan-arahan berkenaan dengan sesuatu perkara atau prosiding di hadapan mana-mana pihak berkuasa, yang berhubungan dengan kesatuan sekerja, di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(4) Suatu arahan yang dibuat di bawah subseksyen (3)—

(a) boleh pada bila-bila masa diubah atau dibatalkan sebagaimana yang disifatkan perlu atau bermanfaat oleh Menteri; dan

(b) adalah sah dan mempunyai kuatkuasa dan efek sepenuhnya walau apa pun yang tak konsisten atau bercanggah dengannya yang terkandung di dalam Akta ini.

(5) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh pada bila-bila masa diubah atau dibatalkan oleh Menteri.

(6) Tertakluk kepada apa-apa arahan oleh Menteri di bawah subseksyen (3), sehingga suatu perintah penggantungan dibatalkan oleh Menteri—

(a) pengakuan pendaftaran kesatuan sekerja itu yang berkenaan dengannya perintah penggantungan itu dibuat hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa dan kesatuan sekerja itu hendaklah terhenti daripada menikmati apa-

apa hak, imuniti dan keistimewaan sesuatu kesatuan sekerja;

(b) kesatuan sekerja itu hendaklah dilarang daripada menjalankan apa-apa sahaja aktiviti; dan

(c) tiada seseorang pun boleh mengambil bahagian dalam pengurusan atau organisasi; atau bertindak, atau cuba untuk bertindak bagi pihak kesatuan itu atau sebagai seorang pegawai kesatuan itu.

(7) Suatu perintah atau arahan Menteri di bawah seksyen ini adalah tetap dan muktamad.

(8) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan subseksyen (6) atau mana-mana arahan diberi di bawah subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau penjara bagi tempoh yang tidak lebih daripada tiga tahun, atau kedua-duanya.

#### 19. Akibat kegagalan untuk mendaftar atau pembatalan pendaftaran.

Jika mana-mana kesatuan sekerja tidak memohon untuk didaftarkan dalam masa yang tertentu, atau jika pendaftaran mana-mana sesuatu kesatuan sekerja ditolak, ditarik balik atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah atau menjadi batal dan tidak sah melalui keputusan oleh mana-mana mahkamah maka—

(a) kesatuan sekerja itu hendaklah disifatkan sebagai suatu persatuan yang menyalahi undang-undang dan hendaklah terhenti daripada menikmati apa-apa hak, imuniti atau keistimewaan suatu kesatuan sekerja yang berdaftar, tetapi tanpa memudaratkan kepada apa-apa liabiliti yang dialami oleh kesatuan sekerja itu yang boleh dikuatkuasakan terhadap kesatuan sekerja itu dan aset-asetnya;

(b) kesatuan sekerja tidak boleh, dan juga mana-mana pegawai, anggota atau agen tidak boleh bagi pihak kesatuan mengambil bahagian dalam sesuatu pertikaian kesatuan atau menganjur, merancang atau membiayai

mana-mana mogok atau tutup-pintu, atau memper-  
untukkan bayaran atau faedah-faedah lain bagi anggota-  
anggotanya semasa suatu mogok atau tutup-pintu;

- (c) kesatuan sekerja itu hendaklah dibubarkan dan kumpulan wangnya diuruskan dengan cara yang ditetapkan dan tertakluk kepadanya, mengikut peraturan-peraturan kesatuan; dan
- (d) tiada seorang pun boleh, melainkan bagi tujuan membubarkan kesatuan itu dan menguruskan wangnya menurut kaedah-kaedah atau bagi maksud suatu rayuan di bawah seksyen 71A terhadap penolakan, tarikbalik atau pembatalan, mengambil bahagian dalam pengurusan atau perancangan, atau bertindak atau bermaksud bertindak bagi pihak kesatuan atau sebagai pegawai kesatuan itu.

(Proviso) (*Dimansuhkan* ).

#### BAHAGIAN IV

#### HAK DAN LIABILITI KESATUAN SEKERJA

#### **20. Hilangupaya kesatuan yang tidak berdaftar.**

Suatu kesatuan sekerja tidak boleh menikmati apa-apa daripada hak, imuniti atau keistimewaan suatu kesatuan sekerja berdaftar melainkan ianya didaftarkan.

#### **21. Imuniti daripada guaman sivil dalam kes keadaan tertentu.**

Tiada guaman atau prosiding undang-undang lain boleh dibawa di dalam mana-mana mahkamah sivil terhadap mana-mana pegawai atau anggotanya berkenaan dengan sesuatu tindakan yang dibuat atas tujuan atau lanjutan daripada suatu pertikaian tred di mana seorang anggota kesatuan sekerja itu menjadi suatu pihak hanya atas sebab bahawa tindakan tersebut mendorongkan seseorang lain untuk memecahkan kontrak pekerjaannya, atau bahawa ianya adalah suatu gangguan dalam tred, perniagaan atau pekerjaan mana-mana orang lain atau dengan hak mana-mana orang lain



untuk memberikan modalnya atau tenaganya seperti yang dia inginkan.

## **22. Liabiliti berasaskan tort.**

(1) Suatu guaman terhadap sesuatu kesatuan sekerja berdaftar atau terhadap mana-mana anggota atau pegawai darinya bagi pihak diri mereka dan semua anggota-anggota lain kesatuan sekerja itu berkenaan dengan sesuatu tindakan tort yang dikatakan telah dilakukan oleh atau bagi pihak kesatuan sekerja tidak akan dilayan oleh mana-mana mahkamah.

(2) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menjejaskan liabiliti sesuatu kesatuan sekerja atau mana-mana pemegang amanah atau pegawai darinya untuk didakwa di mana-mana mahkamah yang menyentuh atau mengenai harta yang ditetapkan atau hak-hak kesatuan sekerja atau berkenaan dengan sesuatu tindakan tort yang berbangkit dengan matannya daripada penggunaan sesuatu harta tetap kesatuan sekerja itu melainkan berkenaan dengan suatu tindakan yang dilakukan oleh atau bagi pihak kesatuan sekerja itu dengan tujuan atau lanjutan daripada suatu pertikaian tred.

## **23. Liabiliti berasaskan kontrak.**

Tiap-tiap kesatuan sekerja berdaftar hendaklah bertanggungjawab atas apa-apa kontrak yang dibuat olehnya atau oleh seorang agen yang bertindak bagi pihaknya:

Dengan syarat bahawa sesuatu kesatuan sekerja itu tidak bertanggungjawab atas apa-apa kontrak yang tak sah atau tidak berkuatkuasa dari segi undang-undang.

## **24. Tujuan penyekatan perniagaan tidak menyalahi undang-undang berkenaan dengan kesatuan sekerja berdaftar.**

Tujuan sesuatu kesatuan sekerja tidak boleh, hanya atas sebab-lanya adalah penyekatan perniagaan disifatkan sebagai menyalahi undang-undang sehingga **dianggapkan mana-mana anggota kesatuan sekerja tersebut boleh dikenakan pendakwaan jenayah mengenai komplot atau sebaliknya atau dianggapkan tak sah atau boleh tak sah sesuatu perjanjian atau amanah.**

## **25. Prosiding oleh dan terhadap kesatuan sekerja.**

(1) Suatu kesatuan sekerja berdaftar boleh mendakwa dan didakwa di bawah nama berdaftaranya.

(2) Suatu kesatuan sekerja yang tidak berdaftar boleh didakwa di bawah nama yang ianya telah dijalankan atau dikenali secara am.

(3) Suatu kesatuan sekerja yang pendaftarannya telah dibatalkan atau ditarikbalik boleh didakwa di bawah nama ianya didaftarkan.

(4) Pelaksanaan untuk apa-apa wang yang diperolehi daripada suatu kesatuan sekerja dalam prosiding sivil boleh dibuat terhadap sesuatu harta yang dipunyai atau dipegang atas amanah bagi kesatuan sekerja itu selain daripada kumpulan wang benevolen sesuatu kesatuan sekerja berdaftar.

(5) Apa-apa denda yang diperintahkan untuk dibayar oleh suatu kesatuan sekerja boleh diperolehi melalui distres dan jualan harta alih yang dipunyai oleh atau dipegang secara amanah bagi kesatuan sekerja itu menurut sesuatu undang-undang bertulis yang berkaitan dengan prosedur jenayah.

(6) Di dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah di mana suatu kesatuan sekerja berdaftar menjadi suatu pihak kesatuan sekerja sedemikian boleh hadir dalam prosiding sedemikian oleh sesiapa daripada pegawai-pegawainya atau oleh seorang peguamcara dan peguambela.

### **25A. Mogok dan tutup-pintu.**

(1) Tiada kesatuan sekerja orang-orang kerja boleh mengisytiharkan suatu mogok, dan tiada anggota darinya boleh mogok dan tiada kesatuan sekerja majikan boleh mengisytiharkan suatu tutup-pintu—

(a) dalam hal suatu kesatuan sekerja orang-orang kerja, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan melalui undi sulit yang sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah penuh anggota-anggota yang berhak mengundi dan berkenaan

dengannya mogok itu diadakan; dan dalam hal kesatuan sekerja majikan tanpa terlebih dahulu mendapat melalui undi sulit kelulusan sekurang-kurangnya dua pertiga jumlah penuh anggota-anggota yang berhak mengundi;

- (b) sebelum tamat tujuh hari setelah menghantar kepada Ketua Pengarah keputusan-keputusan undi sulit tersebut menurut seksyen 40(5);
- (c) jika undi sulit bagi mogok atau tutup-pintu yang dicadangkan itu telah menjadi taksah atau tidak berkuatkuasa mengikut seksyen 40(2), (3), (6) atau (9);
- (d) melanggar atau tanpa mematuhi kaedah kesatuan sekerja itu;
- (e) berkenaan dengan sesuatu perkara yang diliputi oleh suatu arahan atau keputusan Menteri yang diberi atau dibuat di dalam sesuatu rayuan kepadanya di bawah Akta ini; atau
- (f) bercanggah atau tanpa mematuhi sesuatu peruntukan Akta ini atau sesuatu peruntukan sesuatu undang-undang bertulis lain.

(2) Mana-mana kesatuan sekerja, dan tiap-tiap anggota eksekutifnya yang, memulakan, menganjurkan, merancang atau membiayai mana-mana mogok atau tutup-pintu yang bercanggah dengan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit, atau penjara bagi tempoh tidak lebih daripada satu tahun, atau kedua-duanya dan suatu denda selanjutnya sebanyak satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan tersebut berterusan.

(3) Mana-mana anggota suatu kesatuan sekerja orang-orang kerja yang memulakan, mengambil bahagian dalam, atau sebaliknya bertindak sebagai lanjutan daripada sesuatu mogok yang melanggar subseksyen (1) hendaklah dari ini terhenti menjadi anggota kesatuan sekerja itu, dan dari itu anggota tersebut tidak layak menjadi seorang anggota sesuatu kesatuan sekerja melainkan dengan kelulusan terdahulu daripada Ketua Pengarah secara bertulis; dan

kesatuan sekerja yang mana dia telah terhenti daripada menjadi anggota hendaklah dari ini—

- (a) memotong nama anggota tersebut daripada daftar keanggotaannya;
- (b) memberitahu Ketua Pengarah atau anggota yang berkenaan mengenai pemotongan sedemikian; dan
- (c) mempamerkan dengan terang dalam pejabat berdaftar di tempat yang boleh dibaca dengan senang suatu senarai anggota-anggota yang mana nama mereka telah dipotong.

(4) Ketua Pengarah boleh, jika dia berpuas hati bahawa subseksyen (1) telah dilanggar oleh mana-mana orang dan kesatuan sekerja yang berkenaan telah gagal untuk menjalankan peruntukan-peruntukan subseksyen (3), atau jika terdapat kelambatan yang berlebihan untuk berbuat demikian, setelah penyiasatan yang dia sifatkan perlu, memerintahkan kesatuan sekerja itu mengeluarkan dengan serta-merta nama-nama anggota-anggota berkenaan daripada daftar keanggotaan.

(5) Kepuasan hati Ketua Pengarah di bawah subseksyen (4) bahawa subseksyen (1) telah dilanggar oleh mana-mana orang boleh diputuskan tanpa menghiraukan sama ada adanya atau tidak sesuatu dakwaan terhadap mana-mana orang bagi melanggar subseksyen (1) tersebut.

(6) Mana-mana kesatuan sekerja berdaftar dan tiap-tiap anggota eksekutifnya yang gagal untuk mengikut subseksyen (3) atau dengan suatu perintah Ketua Pengarah di bawah subseksyen (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit, dan suatu denda selanjutnya sebanyak seratus ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan.

(7) Pada tiap-tiap prosiding bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen ini beban untuk membuktikan bahawa kehendak-kehendak yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) telah diikuti adalah atas kesatuan sekerja itu, anggota-anggota eksekutifnya atau anggota-anggota kesatuan sekerja itu mengikut mana yang berkenaan.

## 26. Keanggotaan seseorang belum dewasa.

(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, seseorang di bawah umur dua puluh satu tahun tetapi lebih daripada umur enam belas tahun, boleh menjadi seorang anggota suatu kesatuan sekerja berdaftar melainkan peruntukan dibuat di dalam kaedah-kaedah yang berlainan, dan boleh, tertakluk kepada kaedah-kaedah kesatuan sekerja itu, menikmati semua hak seorang anggota melainkan yang dikecualikan di dalam Akta ini dan melaksanakan segala suratan dan memberi segala penyelesaian yang perlu dilaksanakan atau diberikan di bawah kaedah-kaedah itu, tetapi tidak boleh menjadi seorang anggota eksekutif atau pemegang amanah suatu kesatuan sekerja berdaftar:

Dengan syarat tiada seorang pun yang baginya pelajaran diperuntukkan di sesuatu sekolah, politeknik, kolej, universiti, kolej universiti, atau mana-mana institusi lain yang memperuntukkan pelajaran, ditubuhkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis boleh menyertai atau menjadi seorang anggota atau diterima atau dikekalkan sebagai anggota oleh mana-mana kesatuan sekerja, melainkan dia—

- (a) secara *bona fide* diambil kerja sebagai seorang orang kerja; dan
- (b) lebih daripada lapan belas tahun.

(1A) Tiada seorang pun boleh menyertai atau menjadi seorang anggota atau diterima atau dikekalkan sebagai anggota oleh mana-mana kesatuan sekerja jika diambil kerja atau bertugas dalam suatu penubuhan, tred, pekerjaan atau industri yang tidak sama dengan tred, pekerjaan atau industri yang berkenaan dengannya kesatuan sekerja itu didaftarkan.

(1B) Bagi maksud subseksyen (1A) seseorang yang diambil kerja oleh sesuatu kesatuan sekerja sebagai seorang anggota eksekutifnya dibawah perenggan (a) proviso kepada seksyen 29(1) adalah dianggap diambil kerja atau bertugas dalam penubuhan, tred, pekerjaan atau industri berkenaan.

(2) Seorang anggota kesatuan sekerja yang belum mencapai umur lapan belas tahun tidak berhak mengundi atas mana-mana perkara-perkara berikut—

- (a) mogok dan tutup-pintu dan semua perkara yang berkaitan dengannya;
- (b) mengenakan suatu levi;
- (c) pembubaran kesatuan sekerja atau persekutuan yang berhubungan dengannya;
- (d) pemindaan kaedah-kaedah kesatuan sekerja itu di mana pindaan sedemikian menyebabkan tambahan kepada liabiliti anggota-anggota untuk mencarum atau mengurangkan faedah-faedah yang anggotanya mempunyai hak.

[Akta A1324]

(3) (*Dipotong*)

**27. Keanggotaan pegawai-pegawai awam dan pekerja pihak berkuasa berkanun.**

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada seorang pun pegawai awam boleh menyertai atau menjadi seorang anggota sesuatu kesatuan sekerja atau boleh diterima sebagai seorang anggota mana-mana kesatuan sekerja.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui pemberitahuan di dalam *Warta* mengecualikan daripada peruntukan-peruntukan subseksyen (1), sama ada kesemuanya atau tertakluk kepada syarat-syarat sedemikian yang ditetapkan di dalam pemberitahuan sedemikian, mana-mana orang pegawai awam atau mana-mana kategori, kelas atau merupakan pegawai awam selain daripada—

- (a) anggota-anggota Polis Diraja Malaysia;
- (b) anggota-anggota mana-mana perkhidmatan penjara;
- (c) anggota-anggota Angkatan Bersenjata;
- (d) pegawai-pegawai awam yang bertugas dalam keupayaan sulit atau keselamatan;
- (e) pegawai-pegawai awam yang dilarang di bawah mana-mana undang-undang bertulis daripada menubuhkan atau menjadi anggota-anggota kesatuan sekerja; dan

- (f) pegawai-pegawai awam yang memegang sesuatu jawatan di dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas melainkan pegawai-pegawai awam, atau kelas kategori atau merupakan pegawai awam di dalam kumpulan tersebut, yang tidak dikeluarkan daripada perlaksanaan perenggan ini oleh suatu arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara.

(3) (a) Tiada seorang pun yang diambil kerja oleh suatu pihak berkuasa berkanun boleh menyertai atau menjadi seorang anggota atau diterima sebagai seorang ahli oleh mana-mana kesatuan sekerja melainkan keanggotaan kesatuan sekerja itu dikhususkan khas kepada orang-orang yang diambil kerja oleh pihak berkuasa berkanun tertentu itu.

(aa) Walau apa pun peruntukan subseksyen (3)(a), mana-mana orang yang diambil kerja oleh suatu pihak berkuasa berkanun yang—

(i) memegang apa-apa jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas atau yang sama dengannya, tidak boleh menyertai atau menjadi seorang anggota, atau diterima atau dikekalkan sebagai anggota oleh mana-mana kesatuan sekerja, melainkan orang-orang sedemikian ini, atau kelas, kategori atau yang merupakan orang-orang sedemikian, yang dikeluarkan daripada perlaksanaan subperenggan ini oleh suatu arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara; atau

(ii) bertugas dengan cara sulit atau bagi keselamatan tidak boleh mengikuti atau menjadi anggota atau diterima atau dikekalkan sebagai anggota oleh mana-mana kesatuan sekerja.

(b) Mana-mana kesatuan sekerja yang keanggotaannya dihadkan kepada orang-orang yang diambil kerja oleh suatu pihak berkuasa berkanun tidak boleh bergabung dengan mana-mana kesatuan sekerja yang lain atau mana-mana persekutuan kesatuan sekerja yang anggotanya tidak dikhususkan sebaliknya;

Dengan syarat bahawa mana-mana persatuan boleh, selepas mendapat kelulusan bertulis oleh Menteri, bergabung dengan suatu

persekutuan kesatuan sekerja berdaftar mengandungi kesatuan sekerja pegawai awam.

(bb) Walau apa pun peruntukan subseksyen (3)(b), dua atau lebih kesatuan-kesatuan sekerja orang-orang kerja yang diambil kerja oleh pihak berkuasa berkanun, selain daripada orang-orang kerja yang diambil kerja oleh pihak berkuasa tempatan boleh dengan kelulusan Menteri dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian XII, menubuhkan dan mewujudkan suatu persekutuan kesatuan sekerja.

(c) Bagi maksud subseksyen ini orang-orang yang dilantik untuk berkhidmat atau yang sedang berkhidmat di dalam suatu institusi atau di suatu tempat atau di bawah suatu badan atau orang yang ditetapkan dalam ruang pertama Jadual ke-3 hendaklah disifatkan sebagai orang-orang yang diambil kerja oleh pihak berkuasa atau badan yang ditetapkan yang berhubungan dengan institusi, tempat atau orang di dalam ruang kedua Jadual itu, dan pihak berkuasa atau badan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai suatu pihak berkuasa berkanun.

(d) Menteri melalui perintah boleh menambah kepada, memotong daripada atau meminda Jadual Ketiga itu.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (3), tetapi tertakluk kepada perenggan (aa) darinya—

(a) pekerja-pekerja suatu pihak berkuasa tempatan yang mempunyai kewangan sendiri boleh menyertai atau menjadi anggota-anggota suatu kesatuan sekerja yang keanggotaannya dikhususkan khas kepada pekerja-pekerja salah satu atau lebih pihak berkuasa tempatan yang mempunyai kewangan sendiri;

(b) pekerja-pekerja pihak berkuasa berkanun selain daripada pekerja-pekerja pihak berkuasa tempatan boleh dengan kelulusan Menteri menyertai atau menjadi anggota-anggota suatu kesatuan sekerja yang mana keanggotaannya dihadkan secara khas kepada pekerja-pekerja satu atau lebih pihak berkuasa tempatan yang mempunyai kewangan sendiri.



(5) Apa-apa soalan di bawah subseksyen (2) atau (3) sama ada seorang itu bertugas dalam keupayaan sulit atau bagi keselamatan hendaklah diputuskan oleh Ketua Setiausaha Negara.

(6) Mana-mana orang atau kumpulan orang yang telah meminta suatu arahan Ketua Setiausaha Negara di bawah subseksyen (2)(f) atau di bawah subseksyen (3)(aa)(i), dan telah gagal mendapat arahan tersebut, atau mana-mana orang yang tidak puas hati dengan sesuatu keputusan Ketua Setiausaha Negara di bawah subseksyen (5), boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh kegagalan untuk mendapat arahan tersebut, atau keputusan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, merayu kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan-perkhidmatan awam, yang keputusannya hendaklah tetap dan muktamad.

(7) Mana-mana orang yang, sebelum sahaja subseksyen ini berkuatkuasa, menjadi ahli anggota suatu kesatuan sekerja tetapi hilang kelayakan daripada menjadi seorang anggotanya mengikut subseksyen (2)(a) hingga (f) atau mengikut subseksyen (3) (aa) hendaklah terhenti daripada menjadi seorang anggotanya apabila tamat enam bulan selepas berkuatkuasanya subseksyen ini, melainkan—

(a) dalam hal seseorang yang mana perenggan (f) subseksyen (2) terpakai kepadanya, orang tersebut hendaklah tidak terhenti daripada menjadi seorang anggotanya jika dalam tempoh enam bulan tersebut dia menerima arahan daripada Ketua Setiausaha Negara di bawah perenggan (f) tersebut dan dikecualikan melalui suatu pemberitahuan Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen (2); dan

(b) dalam hal seseorang yang mana subperenggan (i) perenggan (aa) subseksyen (3) terpakai kepadanya, orang tersebut hendaklah tidak terhenti daripada menjadi seorang anggota jika dalam tempoh enam bulan tersebut dia menerima arahan daripada Ketua Setiausaha Negara di bawah subperenggan (i) tersebut:

Dengan syarat bahawa di mana seorang tersebut ialah seorang pegawai kesatuan sekerja, dia boleh terus tinggal menjadi seorang anggota kesatuan sekerja itu sehingga tamat tempoh jawatannya, atau sehingga dia sebaliknya lebih awal terhenti daripada

memegang jawatan tersebut, jika tempoh jawatannya melampaui tempoh enam bulan tersebut.

(8) (a) Dalam seksyen ini, "Kumpulan Pengurusan dan Iktisas" ertinya Kumpulan Pengurusan dan Iktisas yang dirujuk sama ada dalam perenggan 7.2 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 atau Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1977 (kedua-duanya bertarikh 31hb Mac 1977) atau sama ada dalam perenggan 8.2 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978 atau Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1978 (kedua-duanya bertarikh 12hb April 1978) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia atau apabila digunakan dengan merujuk kepada orang-orang yang diambil kerja oleh suatu pihak berkuasa berkanun, ertinya sesuatu kumpulan orang yang bersamaan dengan mereka yang dirujuk dalam perenggan 7.2 atau dalam perenggan 8.2 Pekeliling-pekelling, mengikut mana yang berkenaan.

(b) Menteri yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan-perkhidmatan awam boleh dari semasa ke semasa, melalui pemberitahuan dalam *Warta* meminda takrif "Kumpulan Pengurusan dan Iktisas" yang dikemukakan di dalam subseksyen ini.

## 28. Pegawai-pegawai.

[Pind. Akta  
A1324]

(1) Seseorang tidak boleh menjadi atau bertindak sebagai seorang anggota eksekutif suatu kesatuan sekerja atau mana-mana cawangannya, atau sesuatu persekutuan kesatuan sekerja dan adalah tidak berkelayakan untuk dipilih sebagai anggota sedemikian jika—

(a) dia bukan warganegara Persekutuan;

[Akta A1324]

(b) (*Dipotong*);

(c) dia telah menjadi seorang anggota eksekutif mana-mana kesatuan sekerja yang mana pendaftarannya telah dibatalkan atau ditarik balik di bawah seksyen 15(1)(b), (iv), (v) atau (vi) di bawah mana-mana undang-undang yang dimansuhkan oleh Akta ini;

(c1) dia adalah seorang pemegang jawatan atau pekerja suatu parti politik;

- (d) dia telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang mengenai pecah amanah, pemerasan atau intimidasi, atau suatu kesalahan di bawah seksyen 49, 50 atau 50A atau suatu kesalahan yang pada pendapat Ketua Pengarah menjadikannya tidak layak untuk menjadi sebarang pegawai kesatuan sekerja itu; atau
- (e) dia adalah seorang bankrap:

Dengan syarat bahawa perenggan-perenggan (a) dan (b) tidak terpakai dalam kes suatu kesatuan sekerja yang pada pendapat Menteri, dikehendaki oleh tujuan-tujuannya untuk mewakili orang-orang atau kepentingan orang-orang yang bukan penduduk di Malaysia Barat, Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Di mana Ketua Pengarah mengesahkan secara bertulis kepada eksekutif suatu kesatuan sekerja atau persekutuan kesatuan sekerja bahawa seseorang yang menjadi anggota eksekutif, dengan menetapkan dalam perakuan sedemikian alasan seseorang tersebut hilang kelayakannya, orang sedemikian hendaklah serta-merta terhenti daripada menjadi seorang anggota eksekutif sedemikian.

## 29. Pekerja-pekerja suatu kesatuan sekerja.

(1) Suatu kesatuan sekerja berdaftar, tertakluk kepada subseksyen (2) dan kaedah-kaedah kesatuan tersebut, boleh mengambil kerja dan membayar seorang setiausaha, bendahari dan orang-orang lain yang perlu bagi maksud-maksud kesatuan sedemikian atau sesuatu persekutuan kesatuan sekerja yang mana kesatuan itu menjadi anggotanya:

Dengan syarat bahawa tiada pekerja kesatuan tersebut selain daripada—

- (a) pemegang jawatan tetap sebagai setiausaha, penolong setiausaha, bendahari atau penolong bendahari yang dilantik mengikut kaedah-kaedah kesatuan tersebut; atau
- (b) seorang setiausaha, penolong setiausaha, bendahari atau penolong bendahari yang digajikan sedemikian sebaik

sahaja sebelum mula berkuatkuasanya perenggan ini dan tidak mempunyai kuasa mengundi berkenaan dengan hal-ehwal kesatuan sedemikian atau mana-mana jawatankuasanya,

hendaklah menjadi seorang anggota eksekutif kesatuan sedemikian.

(2) Seseorang tidak boleh diambil kerja oleh suatu kesatuan sekerja berdaftar di bawah subseksyen (1)—

(a) jika dia bukan warganegara Persekutuan yang tinggal di Malaysia Barat, dalam hal kesatuan sekerja di Malaysia Barat, atau yang tinggal di Sabah, dalam hal kesatuan sekerja di Sabah, atau yang tinggal di Sarawak, dalam hal kesatuan sekerja di Sarawak;

(b) jika dia telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah dengan suatu kesalahan jenayah dan belum lagi menerima pengampunan bebas berkenaan dengannya dan sabitan tersebut pada pendapat Ketua Pengarah menganggapkannya tidak layak untuk diambil kerja oleh suatu kesatuan sekerja;

(c) jika dia seorang pegawai atau pekerja mana-mana kesatuan sekerja lain; atau

(c1) jika dia seorang pemegang jawatan atau pekerja suatu parti politik:

---

Dengan syarat perenggan (a) tidak boleh dipakai dalam hal suatu kesatuan yang, pada pendapat Menteri, dikehendaki oleh tujuannya untuk mewakili orang-orang atau kepentingan orang-orang yang bukan tinggal di Malaysia Barat, Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan, dan bahawa perenggan (c) itu tidak boleh dipakai kepada persekutuan kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah Bahagian XII.

(3) Mana-mana orang yang hilang kelayakan dari diambil kerja oleh suatu kesatuan sekerja di bawah subseksyen (1) atau subseksyen (2) dan dia sendiri telah diambil kerja tanpa terlebih dahulu mendapatkan pengecualian daripada Menteri di bawah seksyen 30(b), adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah,

apabila disabitkan dikenakan penjara bagi tempoh yang tidak lebih daripada satu tahun, atau didenda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau kedua-duanya.

### **30. Kuasa Menteri berhubung dengan seksyen 28 dan 29.**

Menteri boleh melalui perintah—

- (a) mengisytiharkan bahawa seksyen 28 atau 29 tidak boleh terpakai kepada mana-mana kesatuan sekerja berdaftar atau kelas kesatuan sekerja berdaftar yang ditetapkan dalam perintah itu; atau
- (b) memberi, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada syarat-syarat yang dia anggapkan perlu, pengecualian daripada semua atau mana-mana peruntukan seksyen 28 atau 29 berkenaan dengan pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja atau mana-mana bahagian atau kelas pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja sesuatu kesatuan sekerja berdaftar atau kelas kesatuan-kesatuan sekerja berdaftar yang ditetapkan di dalam perintah itu.

### **31. Pertukaran nama.**

(1) Mana-mana kesatuan sekerja yang berdaftar boleh, tertakluk kepada seksyen 34, menukar namanya, dengan syarat—

- (a) undi sekurang-kurangnya setengah daripada anggota-anggota yang layak untuk mengundi direkodkan; dan
- (b) sekurang-kurangnya lima puluh peratus undi yang direkodkan bersetuju untuk menukar namanya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), suatu kesatuan sekerja boleh menukar namanya tanpa persetujuan anggota-anggotanya jika terdapat pertukaran nama pada penubuhan yang dilaksanakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, pekerjaan, kementerian, jabatan, atau pihak berkuasa berkanun, mengikut mana yang berkenaan, yang berkenaan dengannya kesatuan sekerja itu didaftarkan.

**56. Penyata tahunan hendaklah disediakan sebagaimana diarahkan oleh Ketua Pengarah.**

[Pind. Akta  
A1324]

(1) Suatu kenyataan am yang diaudit dengan cara yang ditetapkan oleh peraturan mengenai penerimaan, wang, efek dan perbelanjaan tiap-tiap kesatuan sekerja berdaftar berkenaan dengan tempoh dua belas bulan yang terakhir pada hari ketiga puluh satu bulan Mac tiap-tiap tahun hendaklah disampaikan kepada Ketua Pengarah sebelum hari pertama bulan Oktober tiap-tiap tahun, dan hendaklah menunjukkan sepenuh-sepenuhnya aset dan liabiliti pada tarikh itu dan penerimaan dan perbelanjaan pada tahun sebelum tarikh ianya dibuat, kesatuan sekerja dan hendaklah menunjukkan secara berasingan perbelanjaan berkenaan dengan tujuan-tujuan kesatuan dan hendaklah disediakan dan dibuat hingga tarikh sedemikian, dalam bentuk sedemikian, dan hendaklah terdiri daripada butir-butir, yang Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa perlukan; dan tiap-tiap ahli dan pendeposit sesuatu kesatuan sekerja berhak menerima, atas permohonan kepada bendahari atau setiausaha kesatuan sekerja itu satu salinan kenyataan am, tanpa membuat apa-apa bayaran bagi yang sama.

(1A) Kenyataan am yang dirujuk dalam subseksyen 1 hendaklah ditentusahkan melalui akuan berkanun, dan kesatuan itu hendaklah menyebabkan kenyataan am itu diaudit oleh seorang yang layak dan patut yang diluluskan oleh Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa tiada kesatuan sekerja akan menyebabkan kenyataan amnya diaudit oleh orang yang sama lebih daripada tiga tahun berturut-turut.

(1B) Ketua Pengarah boleh, jika dia anggap perlu, dengan notis bertulis—

(a) mengarahkan kehadiran hadapannya, dalam masa dan tempat yang ditetapkan dalam notis itu, seseorang yang dilantik untuk audit kenyataan am mana-mana kesatuan sekerja bagi sebarang tujuan berkaitan dengan audit itu; atau

(b) mengarahkan mana-mana kesatuan sekerja untuk menyebabkan kenyataan amnya diaudit selanjutnya dalam cara seperti yang dia kehendaki.

- (a) persetujuan tidak kurang daripada dua pertiga anggota kesatuan yang memindahkan perjanjian-perjanjian telah diterima sama ada di mesyuarat-mesyuarat atau secara bertulis, atau Ketua Pengarah apabila permohonan dibuat kepadanya secara bertulis oleh kesatuan itu dan setelah pemberitahuan mengenai permohonan itu telah disiarkan dalam *Warta* dan (jika dia perlukan) dalam satu atau lebih akhbar-akhbar, dan selepas mendengar kesatuan itu dan orang-orang lain yang dia timbangkan berhak didengar, telah menganggap persetujuan itu tidak perlu; dan
- (b) pemberitahuan mengenai pemindahan (yang akan menjadi tugas semua kesatuan yang memindahkan perjanjian-perjanjian untuk menghantarkannya kepada Ketua Pengarah) telah didaftarkan. Permohonan untuk mendaftarkan pemberitahuan pemindahan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat itu dan setiausaha kesatuan yang memindahkan perjanjiannya, dan oleh presiden, setiausaha dan pemegang-pemegang amanah kesatuan itu yang sanggup menunaikan perjanjian-perjanjian itu.

(3) Harta yang dipegang bagi faedah sesuatu kesatuan sekerja yang bersatu dengan mana-mana kesatuan sekerja yang lain atau mana-mana kesatuan sekerja yang memindahkan perjanjian-perjanjiannya di bawah seksyen ini, atau bagi faedah suatu cawangan mana-mana kesatuan sedemikian, oleh pemegang-pemegang amanah kesatuan itu atau mana-mana cawangan, selain daripada harta yang dikecualikan daripada perjalanan subseksyen ini oleh instrumen pemindahan atau penyatuan, hendaklah tanpa apa-apa pemindahak atau serahak diletakhakkan, apabila didaftarkan notis penyatuan atau pemindahan atau apabila dilantik pemegang-pemegang amanah yang wajar, mengikut mana yang terkemudian, pada pemegang-pemegang amanah yang wajar iaitu—

- (a) dalam hal mana-mana harta yang akan dipegang untuk faedah suatu cawangan kesatuan yang disatukan atau suatu cawangan kesatuan yang sanggup menunaikan perjanjian-perjanjian itu, kepada pemegang-pemegang

amanah cawangan itu melainkan kaedah-kaedah cawangan itu memperuntukkan bahawa harta yang akan dipegang sedemikian itu hendaklah dipegang oleh pemegang-pemegang amanah kesatuan itu; dan

(b) di dalam hal lain kepada pemegang-pemegang amanah kesatuan yang disatukan atau kesatuan yang sanggup memenuhi perjanjian-perjanjian itu.

(4) Segala instrumen penyatuan atau pemindahan hendaklah menetapkan sesuatu harta yang akan diletakhakkan di bawah peruntukan-peruntukan yang terdahulu, berhubungan dengan pemegang-pemegang amanah kesatuan yang disatukan atau kesatuan itu yang sanggup memenuhi perjanjian itu bukan atau tidak akan menjadi pemegang-pemegang harta sewajarnya dan hendaklah melantik orang-orang yang atau yang akan menjadi pemegang-pemegang harta yang wajar berhubungan dengan harta itu.

#### **34. Notis pertukaran nama atau penyatuan.**

(1) Notis secara bertulis hendaklah diberikan kepada Ketua Pengarah mengenai tiap-tiap pertukaran nama dan penyatuan, ditandatangani, dalam hal pertukaran nama, oleh setiausaha dan oleh tujuh orang anggota kesatuan sekerja berdaftar itu, dan, dalam hal penyatuan, oleh setiausaha dan oleh tujuh orang anggota tiap-tiap satu dan semua kesatuan sekerja yang menjadi pihak terh

(2) Jika nama yang dicadangkan adalah sama dengan nama sesuatu kesatuan sekerja yang ada, atau yang hampir menyerupai nama kesatuan sekerja sedemikian yang lain, yang pada pendapat Ketua Pengarah, berkemungkinan akan memperdayakan pihak awam atau anggota-anggota salah satu kesatuan sekerja, atau pada pendapat Ketua Pengarah tidak diingini, dia boleh menolak dari mendaftar pertukaran nama itu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (2), Ketua Pengarah hendaklah, jika dia berpuas hati bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini berkenaan dengan pertukaran nama telah diikuti, mendaftarkan pertukaran nama itu dengan cara yang ditetapkan.



dan pertukaran nama itu hendaklah berkuatkuasa dari tarikh pendaftaran tersebut.

(4) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini berkenaan dengan penyatuan telah diikuti dan bahawa kesatuan sekerja itu yang ditubuhkan dari itu berhak didaftarkan di bawah seksyen 12, dia hendaklah mendaftarkan kesatuan itu dengan cara yang ditetapkan dan penyatuan itu hendaklah berkuatkuasa dari tarikh pendaftaran tersebut.

### **35. (Dimansuhkan).**

### **36. Kesan pertukaran nama atau penyatuan.**

(1) Suatu pertukaran nama suatu kesatuan sekerja yang berdaftar tidak boleh menyentuh sesuatu hak atau obligasi kesatuan sekerja itu dianggap cacat sesuatu prosiding undang-undang oleh atau terhadap kesatuan sekerja itu dan sesuatu prosiding undang-undang yang mungkin telah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya di bawah nama dulunya boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya di bawah nama barunya.

(2) Suatu penyatuan dua atau lebih kesatuan sekerja berdaftar tidak boleh memudaratkan sesuatu hak salah satu atau mana-mana kesatuan sekerja sedemikian atau sesuatu hak pemiutang salah satu atau mana-mana darinya.

### **37. Pejabat berdaftar.**

(1) Tiap-tiap kesatuan sekerja berdaftar hendaklah mempunyai suatu pejabat berdaftar yang terletak di Malaysia Barat, Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan, di mana semua perhubungan-perhubungan dan notis-notis boleh dialamatkan.

(2) Pemberitahuan mengenai letaknya pejabat berdaftar tersebut dan mengenai apa-apa pertukaran di dalamnya, hendaklah diberikan kepada Ketua Pengarah sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum pertukaran sedemikian dan hendaklah didaftarkan olehnya, dan kesatuan sekerja itu tidak boleh disifatkan sebagai telah mengikut Akta ini sehingga notis sedemikian telah diberi.

[Pin  
A13

(3) Semua kesatuan sekerja yang—

- (a) berjalan tanpa mempunyai suatu pejabat berdaftar, atau tanpa memberi notis mengenai letaknya pejabat berdaftarinya seperti mana yang diperlukan sebelum daripada ini; atau
- (b) berjalan di mana tempat yang pejabat berdaftarinya telah ditukarkan, tanpa memberi notis pertukaran letaknya kepada Ketua Pengarah,

dan tiap-tiap pegawai mana-mana kesatuan sedemikian hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari di mana kesatuan tersebut berjalan.

### 38. Kaedah-kaedah.

(1) Kaedah-kaedah tiap-tiap kesatuan sekerja berdaftar hendaklah membuat peruntukan bagi semua perkara yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, dan tidak boleh ditukar atau dipinda sehingga terhenti daripada mengandungi peruntukan berkenaan dengan semua perkara sedemikian.

[Pind. Akt  
A1324]

(2) Suatu salinan yang dicetak dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris atau Bahasa Tamil atau Bahasa Cina akan kaedah-kaedah yang buat masa itu berkuatkuasa terhadap sesuatu kesatuan sekerja berdaftar hendaklah dipamerkan dengan terang di tempat yang boleh dibaca dengan mudah di pejabat berdaftar dan hendaklah diberikan oleh setiausaha kesatuan sekerja tersebut kepada mana-mana orang atas permintaannya atas bayaran suatu jumlah yang tidak melebihi sepuluh ringgit:

Dengan syarat bahawa jika salinan kaedah-kaedah itu tidak dicetak di dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris, suatu salinan kaedah-kaedah yang bertaip atau sebaliknya yang diterbitkan secara mekanikal dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris seperti yang didaftarkan dan ditandatangani oleh presiden, setiausaha dan bendahari kesatuan hendaklah, sebagai tambahan dipamerkan dengan terang di pejabat berdaftar dan hendaklah diberikan oleh setiausaha dengan tiap-tiap salinan

kaedah-kaedah tercetak kesatuan dalam Bahasa Tamil atau Bahasa Cina apabila diminta.

(3) Suatu salinan dalam Bahasa Kebangsaan tiap-tiap kaedah baru dan tiap-tiap perubahan yang dibuat pada kaedah-kaedah kesatuan sekerja berdaftar hendaklah dihantarkan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh tiga puluh hari kaedah atau perubahan sedemikian dibuat dan hendaklah jika diluluskan olehnya didaftarkan oleh Ketua Pengarah apabila dibayar fee yang ditetapkan:

Dengan syarat bahawa sesuatu perubahan kepada kaedah-kaedah yang menyebabkan tambahan tanggungan anggota-anggota untuk mencarum selain daripada penambahan dalam langganan anggota-anggota atau mengurangkan faedah-faedah yang mana anggota-anggota berhak tidak boleh diluluskan oleh Ketua Pengarah melainkan jika lebih daripada setengah anggota-anggota yang berhak mengundi mengikut kaedah-kaedah kesatuan yang telah mengundi menyokong perubahan yang dicadangkan itu.

(4) Tiap-tiap perubahan kaedah-kaedah suatu kesatuan sekerja hendaklah berjalan kuatkuasa dari tarikh pendaftaran oleh Ketua Pengarah melainkan tarikh yang terkemudian ditetapkan dalam kaedah-kaedah itu.

(5) Menteri boleh melalui perintah menambah kepada memotong daripada atau meminda Jadual Pertama.

### 39. (Dimansuhkan).

### 40. Undi sulit.

(1) Suatu kesatuan sekerja hendaklah mencabut undi sulit untuk membuat suatu keputusan atas mana-mana perkara berikut—

- (a) perlantikan wakil-wakil ke suatu mesyuarat agung jika kaedah-kaedah kesatuan memperuntukkan mesyuarat wakil-wakil, atau ke suatu persekutuan kesatuan sekerja
- (b) perlantikan pegawai-pegawai (selain daripada pemegang-pemegang amanah) oleh anggota-anggota mengikut kaedah-kaedah kesatuan itu;

- (c) semua perkara-perkara yang berhubungan dengan mogok atau tutup-pintu;
- (d) mengenakan suatu levi;
- (e) pembubaran kesatuan sekerja atau persekutuan kesatuan-kesatuan sekerja;
- (f) pindaan atau kaedah-kaedah di mana pindaan tersebut menyebabkan tambahan kepada liabiliti anggota-anggota untuk mencarum, atau mengurangkan faedah-faedah yang mana anggotanya berhak;
- (g) penyatuan dengan kesatuan sekerja lain atau pemindahan perjanjian-perjanjian kepada kesatuan sekerja lain.

(2) Jika suatu undi sulit dicabut atas sesuatu perkara berhubungan dengan suatu mogok atau tutup-pintu, ianya hendaklah mengandungi suatu resolusi yang menyatakan dengan terang isu-isu yang membawa kepada mogok atau tutup-pintu yang dicadangkan dan memperihalkan dengan jelasnya jenis perbuatan yang akan dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan semasa mogok atau tutup-pintu itu berjalan dan suatu undi sulit yang tidak memenuhi kehendak-kehendak ini adalah tak sah dan tidak memberi kesan, dan tiada mogok atau tutup-pintu boleh dijalankan atas dasar undi sulit itu.

(3) Suatu undi sulit yang telah dicabut mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan suatu mogok atau tutup-pintu hendaklah habis kuatkuasanya apabila tamat tempoh sembilan puluh hari setelah tarikh apabila undi sulit itu dicabut dan tiada mogok atau tutup-pintu boleh dijalankan selepas itu atas dasar undi sulit itu.

(4) Dalam menjalankan apa-apa undi sulit, sesuatu kesatuan sekerja hendaklah menentukan bahawa tiap-tiap anggotanya mempunyai hak yang sama dan suatu peluang yang munasabah untuk merekodkan undinya secara bebas dan bahawa kerahsiaan pengundian itu dijamin dengan betul dan bahawa keputusan keputusan pengundian itu ditentukan dengan betul.

(5) Keputusan-keputusan suatu undi sulit yang dicabut untuk menentukan sesuatu perkara yang ditetapkan dalam subseksyen (1) hendaklah dikemukakan oleh setiausaha kesatuan sekerja itu kepada Ketua Pengarah dalam tiga salinan, substansialnya dalam bentuk yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan, dalam masa empat belas hari setelah undi sulit itu dicabut.

(6) Jika suatu kesatuan sekerja telah mencabut suatu undi sulit untuk mengadakan suatu mogok atau untuk mengisytiharkan suatu tutup-pintu, Ketua Pengarah boleh apabila menerima keputusan-keputusan darinya di bawah subseksyen (5), menjalankan semua penyiasatan-penyiasatan sedemikian yang difikirkannya perlu, dan jika dia berpuas hati bahawa mogok atau tutup-pintu yang dicadangkan itu jika dilaksanakan akan melanggar Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain dia hendaklah mengarahkan kesatuan sekerja itu supaya jangan memulakan mogok atau tutup-pintu yang dicadangkan itu.

(7) Setiausaha kesatuan sekerja itu hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk menentukan bahawa semua kertas undi dan dokumen yang digunakan berkaitan dengan atau relevan kepada suatu undi sulit disimpan di pejabat berdaftar kesatuan sekerja itu bagi tempoh yang tidak kurang dari enam bulan setelah tamat pengundian itu.

(8) Bagi maksud memuaskan hatinya bahawa suatu undi sulit yang dicabut oleh suatu kesatuan sekerja telah dikendalikan dengan betul, Ketua Pengarah boleh menghendaki mana-mana orang menghantar kepadanya mana-mana kertas undi, sampul surat, senarai-senarai atau dokumen-dokumen lain apa jua pun, yang telah digunakan berkaitan dengan atau yang relevan kepada undi sulit itu dan yang berada di dalam pemilikan atau kawalan orang itu, dan boleh memeriksa sesuatu dokumen sedemikian dan menyimpannya bagi tempoh yang dia sifatkan perlu; tetapi kecuali dengan apa yang disebutkan di atas seperti yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah kesatuan sekerja itu tiada seorang pun boleh dibenarkan memeriksa atau menyalin sesuatu dokumen yang berhubungan dengan suatu undi sulit itu.

(9) Ketua Pengarah boleh di dalam sesuatu kes tertentu mengisytiharkan suatu undi sulit yang dicabut oleh suatu kesatuan sekerja sebagai tak sah jika dia berpuas hati bahawa kesatuan sekerja itu telah melanggar sesuatu peruntukan Akta ini, atau sesuatu peraturan, atau sesuatu kaedah-kaedahnya dalam menjalankan undi sulit sedemikian.

[Mas. Akta  
A1324]

#### **40A. Pengenaan levi.**

Suatu kesatuan sekerja boleh mengenakan levi ke atas anggota-anggotanya, dengan syarat bahawa bagi setiap satu pengenaan levi itu—

- (a) undi sekurang-kurangnya setengah dari anggota-anggota yang layak untuk mengundi direkodkan; dan
- (b) sekurang-kurangnya lima puluh peratus undi yang direkodkan bersetuju untuk pengenaan levi yang sedemikian.

#### **41. Pemberitahuan mengenai pertukaran pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja.**

(1) Suatu kesatuan sekerja hendaklah mempamerkan dengan terang di pejabat berdaftaranya di suatu tempat yang ianya boleh dibaca dengan senang suatu senarai yang menunjukkan nama-nama dan titel-titel pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja pada masa itu kesatuan sekerja itu, dan hendaklah juga mempamerkan di pejabat tiap-tiap cawangan kesatuan sekerja itu suatu senarai yang menunjukkan nama-nama dan titel-titel pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja buat sementara waktu cawangannya pada masa itu.

(2) Notis dalam bentuk yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan mengenai pertukaran pegawai, pekerja atau mengenai titel seseorang pegawai atau pekerja hendaklah, bersama-sama dengan fee yang ditetapkan oleh perakuan-perakuan, dihantarkan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh empat belas hari selepas pertukaran itu, dan Ketua Pengarah hendaklah, apabila dia berpuas hati bahawa pertukaran tersebut tidak melanggar kaedah-kaedah

kesatuan itu atau Akta ini atau sesuatu peraturan, meminda daftar itu sebagaimana yang patut.

#### **42. Pemberitahuan mengenai pembubaran.**

Apabila suatu kesatuan sekerja berdaftar dibubarkan dengan sukarela, notis mengenai pembubaran yang ditandatangani oleh tujuh orang anggota dan oleh setiausaha kesatuan sekerja itu hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari pembubaran itu, dihantar kepada Ketua Pengarah, dan hendaklah didaftarkan olehnya jika dia berpuas hati bahawa pembubaran itu telah dibuat mengikut kaedah-kaedah kesatuan sekerja itu dan Akta ini dan sesuatu peraturan yang dibuat di bawahnya; dan pembubaran itu hendaklah berkuatkuasa dari tarikh pendaftaran tersebut.

#### **43. Pemegang amanah.**

(1) Kaedah-kaedah suatu kesatuan sekerja berdaftar hendaklah memperuntukkan perlantikan atau pemilihan pemegang-pemegang amanah dan bagi mengisikan kekosongan-kekosongan jawatan pemegang amanah supaya, sejauh mana yang boleh, hendaklah sentiasa ada sekurang-kurangnya tiga orang pemegang amanah kesatuan itu.

(2) Tiada setiausaha atau bendahari suatu kesatuan sekerja berdaftar boleh menjadi seorang pemegang amanah kepada kesatuan tersebut.

(3) Suatu perbadanan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah boleh dilantik sebagai pemegang amanah tunggal oleh suatu kesatuan sekerja berdaftar, dan rujukan-rujukan di dalam Akta ini kepada "pemegang-pemegang amanah" hendaklah termasuk rujukan kepada suatu perbadanan yang dilantik sedemikian.

(4) Nama-nama dan butir-butir pemegang-pemegang amanah yang dilantik atau dipilih atau sesuatu pertukaran di dalamnya hendaklah dimajukan oleh kesatuan kepada Ketua Pengarah untuk dimasukkan di dalam daftar dalam tempoh empat belas hari selepas pertukaran itu dan perlantikan atau pemilihan

tersebut tidak boleh berkuatkuasa sehingga didaftarkan sedemikian.

## BAHAGIAN VI PERTIKAIAN

### 44. Keputusan pertikaian.

(1) Tiap-tiap pertikaian di antara—

- (a) seorang anggota atau seseorang yang menuntut melalui anggota atau di bawah kaedah-kaedah suatu kesatuan sekerja berdaftar atau sesuatu cawangannya, dan kesatuan tersebut atau mana-mana cawangannya atau seorang pegawainya;
- (b) seseorang yang terkilan yang telah berhenti menjadi seorang anggota suatu kesatuan sekerja berdaftar atau sesuatu cawangan darinya, atau seseorang yang menuntut melalui orang yang terkilan itu, dan kesatuan itu atau sesuatu cawangannya, atau seorang pegawainya;
- (c) mana-mana kesatuan sekerja berdaftar dan mana-mana cawangannya;
- (d) seorang pegawai mana-mana cawangan dan kesatuan sekerja berdaftar yang mana cawangan tersebut ialah suatu cawangan; atau
- (e) mana-mana dua atau lebih cawangan-cawangan kesatuan sekerja berdaftar mana-mana pegawainya mengikut mana yang berkenaan,

hendaklah ditentukan dengan cara yang diarahkan oleh kaedah-kaedah kesatuan sekerja itu, dan keputusan yang diberi hendaklah terikat dan muktamad atas semua pihak, dan permohonan bagi penguatkuasaannya boleh dibuat kepada suatu Mahkamah Sesyen.

(2) Pihak-pihak dalam suatu pertikaian dalam suatu kesatuan sekerja berdaftar, boleh dengan persetujuan (melainkan jika kaedah-kaedah kesatuan tersebut melarangnya dengan nyata) merujuk pertikaian itu kepada seseorang Ketua Pengarah.



(3) Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja hendaklah sama ada dengan sendiri atau oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah, atau mana-mana Pengarah, atau seorang Penolong Pengarah, mendengar dan memutuskan sesuatu pertikaian yang dirujukkan di bawah subseksyen (2), dan hendaklah mempunyai kuasa untuk memerintahkan perbelanjaan memutuskan pertikaian itu dibayar sama ada daripada wang kesatuan itu, atau oleh pihak-pihak pertikaian itu sebagaimana yang dia fikirkan patut, dan keputusan dan perintahnya hendaklah mempunyai efek yang sama dan dikuatkuasakan dengan cara yang diarahkan oleh kaedah-kaedah kesatuan.

(4) Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja, seorang Timbalan Ketua Pengarah, atau mana-mana Pengarah atau seorang Penolong Pengarah boleh bagi maksud memutuskan suatu pertikaian yang dirujukkan di bawah subseksyen (2) mengendalikan sumpah, dan boleh memerlukan kehadiran semua pihak berkenaan, dan saksi-saksi, dan mengemukakan semua buku-buku dan dokumen-dokumen berhubungan dengan perkara yang dipersoalkan.

(5) Jika kaedah-kaedah suatu kesatuan sekerja berdaftar mengarahkan supaya pertikaian dirujukkan ke mahkamah-mahkamah, pertikaian itu hendaklah diputuskan oleh suatu Mahkamah Sesyen.

(6) Jika tiada keputusan dibuat mengenai suatu pertikaian dalam tempoh empat puluh hari selepas permohonan kepada kesatuan untuk rujukan di bawah kaedah-kaedahnya, anggota atau seseorang yang terkilan itu boleh memohon kepada Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Sesyen itu boleh mendengar dan memutuskan perkara yang dipertikaikan.

#### **45. Kuasa-kuasa Mahkamah dan Ketua Pengarah berhubungan dengan pertikaian.**

Walau apa pun peruntukan yang terkandung di dalam Akta Timbangtara 1952\* atau di dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, suatu Mahkamah Sesyen dan Ketua Pengarah atau mana-mana timbangtara atau pengadil yang kepadanya suatu pertikaian dirujukkan di bawah kaedah-kaedah suatu kesatuan

\*Sekarang dikenali sebagai Akta Timbang Tara 2005 (Aktu 646)

sekerja berdaftar tidak boleh dipaksa menyatakan suatu kes khas atau sesuatu persoalan undang-undang yang berbangkit daripada kes itu, tetapi mahkamah atau Ketua Pengarah boleh, atas permintaan mana-mana satu pihak, menyatakan suatu kes bagi pendapat Mahkamah Tinggi atas sesuatu persoalan undang-undang dan boleh memberi kepada mana-mana pihak untuk penzahiran dokumen-dokumen sedemikian dan sebaliknya, atau pemeriksaan dokumen-dokumen sedemikian yang boleh diberi oleh sesuatu mahkamah, dan penzahiran itu hendaklah dibuat bagi pihak kesatuan oleh pegawai sedemikian darinya yang ditentukan oleh Mahkamah Sesyen atau Ketua Pengarah.

#### **46. Tafsiran “pertikaian” bagi maksud Bahagian ini.**

Dalam Bahagian ini ungkapan “pertikaian” termasuk sesuatu pertikaian yang berbangkit atas persoalan sama ada seorang anggota atau seseorang yang terkilang berhak menjadi atau terus menjadi seorang anggota atau dikembalikan semula sebagai seorang anggota atau sama ada faedah-faedah berhubungan dengan keputusan pertikaian atau prosedur di bawahnya tidak dipatuhi tetapi, terkecuali seperti apa yang tersebut di atas, dalam hal seseorang yang telah terhenti daripada menjadi seorang anggota, tidak termasuk sesuatu pertikaian selain daripada suatu pertikaian atas suatu persoalan di antaranya dan kesatuan sekerja itu atau seorang pegawai yang berbangkit ketika dia menjadi anggota atau yang berbangkit daripada perhubungan dulunya sebagai seorang anggota kepada kesatuan sekerja itu.

## **BAHAGIAN VII**

### **HARTA**

#### **47. Semua harta yang diletakhakkan kepada pemegang amanah.**

Semua harta, alih atau tak alih, suatu kesatuan sekerja yang berdaftar hendaklah diletakhakkan kepada pemegang-pemegang harta bagi penggunaan dan faedah kesatuan itu dan ahli-ahlinya dan hendaklah berada di bawah kawalan pemegang-pemegang amanah itu.

#### 48. Devolusi harta.

Atas sesuatu pertukaran dalam jawatan seseorang pemegang amanah, Mahkamah Tinggi boleh atas suatu usul *ex parte* yang dibuat kepadanya mengenai perkara itu membuat suatu perintah meletakkan harta kesatuan sekerja berdaftar itu kepada pemegang-pemegang amanah kesatuan itu pada ketika itu bagi estet dan kepentingan yang sama yang seperti ada pada pemegang amanah sebelumnya, dan tertakluk kepada amanah-amanah yang sama tanpa sesuatu pindahmilik, pemindahhak atau serahhak.

#### 49. Pelaburan wang.

(1) Suatu kesatuan sekerja berdaftar boleh—

- (a) membeli atau mengambil secara pajakan bagi maksud-maksud kesatuan itu sesuatu tanah atau bangunan dan, tertakluk kepada sesuatu undang-undang bertulis, atau undang-undang lain yang boleh dipakai, memajak, atau dengan persetujuan anggota-anggota yang diperolehi melalui resolusi dalam mesyuarat agung atau mesyuarat delegasi menjual, menukar atau menggadai sesuatu tanah atau bangunan yang boleh dibeli sedemikian; [Pind.  
A132]
- (b) melaburkan wangnya dalam sesuatu sekuriti atau dalam sesuatu pinjaman kepada sesuatu syarikat mengikut sesuatu undang-undang yang berhubungan dengan pemegang-pemegang amanah;
- (c) mendepositkan wangnya di dalam Bank Simpanan Nasional, mana-mana bank yang ditubuhkan di Malaysia atau sesuatu syarikat kewangan yang menjadi anak syarikat kepada bank-bank sedemikian; atau
- (d) dengan kelulusan Menteri terlebih dahulu dan tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh, melaburkan wangnya—
  - (i) dalam sesuatu syarikat kerjasama berdaftar; atau
  - (ii) dalam sesuatu perjanjian perdagangan, perindustrian atau pertanian atau enterprais bank, yang ditubuhkan dan berjalan di Malaysia.

(2) Menteri boleh, sebelum memberi kelulusan di bawah subseksyen (1)(d), menghendaki kesatuan sekerja sedemikian untuk mendapat suatu laporan mengenai kemungkinan pelaksanaan dan keberdayaan projek itu.

(2A) Bagi maksud memuaskan hatinya bahawa suatu pelaburan di bawah seksyen ini telah dibuat dengan sempurna, Ketua Pengarah boleh memerintahkan seseorang itu menghantar kepadanya sesuatu dokumen atau akaun berhubungan dengan pelaburan itu yang ada dalam pemilikan atau kawalan orang itu dan boleh memeriksa dan menahannya bagi apa-apa tempoh yang dia anggapkan perlu bagi maksud sedemikian dan seseorang yang gagal atau cuai tanpa sebab munasabah untuk mematuhi perintah sedemikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan suatu denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit.

(3) Tiap-tiap seorang dan semua kesatuan sekerja yang melanggar sesuatu peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN VIII

### WANG DAN AKAUN

#### 50. Pemakaian wang.

(1) Wang sesuatu kesatuan sekerja berdaftar boleh, tertakluk kepada kaedah-kaedahnya dan Akta ini, dibelanjakan hanya bagi tujuan-tujuan berikut—

- (a) membayar gaji, elaun dan perbelanjaan kepada pegawai dan pekerja kesatuan sekerja itu;
- (b) membayar kos dan perbelanjaan pentadbiran kesatuan sekerja itu termasuk untuk mengaudit akaun wang kesatuan sekerja itu;
- (c) pendakwaan atau pembelaan sesuatu prosiding undang-undang yang mana kesatuan sekerja itu atau seseorang anggota darinya menjadi satu pihak, di mana pendak-

waan atau pembelaan tersebut diambil bagi maksud memperoleh atau melindungi sesuatu hak kesatuan sekerja itu atau sesuatu hak yang berbangkit daripada perhubungan seseorang anggota dengan majikannya, atau dengan seseorang yang diambil kerja oleh anggota itu;

- (d) perbelanjaan yang dialami dalam menyelesaikan pertikaian di bawah Bahagian VI;
- (e) pengendalian pertikaian tred bagi pihak kesatuan sekerja itu atau seseorang anggota darinya dengan syarat bahawa pertikaian tred tersebut tidak melanggar Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (f) pampasan bagi anggota-anggota kerana kerugian yang berbangkit daripada pertikaian tred yang melibatkan anggota-anggota tersebut dengan syarat bahawa pertikaian tred itu tidak melanggar Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (g) elaun-elaun kepada anggota atau tanggungan-tanggungan mereka akibat kematian, tua, penyakit, kemalangan atau ketiadaan pekerjaan anggota-anggota tersebut;
- (h) pembayaran fee berkenaan dengan gabungan dengan, atau keanggotaan, sesuatu persatuan kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah Bahagian XII, atau sesuatu — badan perunding atau yang seumpamanya yang berkenaan dengannya kebenaran telah diberi oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 76A(1) atau Ketua Pengarah telah diberitahu di bawah seksyen 76A(2);
- (i) pembayaran—
  - (i) semua tambang keretapi, perbelanjaan pengangkutan lain yang perlu, kos tempat tinggal dan penginapan, yang disokong oleh baucer-baucer, atau, amaun yang telah ditetapkan oleh kesatuan itu;
  - (ii) kerugian amaun gaji yang sebenar oleh wakil-wakil kesatuan sekerja yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan dengan atau berhubungan

dengan menganjurkan perhubungan perindustrian atau memberi perhatian kepada sesuatu perkara sebagaimana yang diperlukan oleh Ketua Pengarah berhubung dengan Akta ini atau sesuatu peraturan;

(iii) perbelanjaan bagi maksud penubuhan atau penyelenggaraan suatu persekutuan kesatuan-kesatuan sekerja berdaftar di bawah Bahagian XII, atau suatu badan perunding atau badan seumpamanya yang berkenaan dengannya kebenaran telah diberi oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 76A(1) atau Ketua Pengarah telah diberitahu di bawah seksyen 76A(2);

(j) penyuntingan, percetakan, penyiaran dan pengedaran sesuatu jurnal, majalah, suratkhabar atau bahan-bahan bercetak yang disiarkan oleh kesatuan sekerja berdaftar bagi mengemukakan tujuan-tujuannya atau bagi memajukan kepentingan anggota-anggota menurut tujuan-tujuan yang didaftarkan dari peraturan-peraturan yang didaftarkan;

(k) mengadakan aktiviti-aktiviti sosial, sukan, pelajaran dan kebajikan bagi anggota-anggota;

(l) pembayaran premium kepada syarikat-syarikat insurans yang didaftarkan di Malaysia yang boleh dari semasa ke semasa diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Menteri boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* menambah pada, memotong daripada atau meminda tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam subseksyen (1).

[Mas. Akta  
A1324]

#### **50A. Kutipan dana dan wang.**

(1) Tiada kesatuan sekerja boleh memasuki mana-mana perjanjian dengan mana-mana orang dengan mana orang sedemikian mengakujaji untuk mendapat dana atau mengutip wang bagi atau mewakili kesatuan sekerja melainkan dengan kelulusan awal secara bertulis dari Ketua Pengarah dan tertakluk kepada syarat-syarat sedemikian yang boleh dikenakan olehnya.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai untuk mana-mana perjanjian di mana seorang majikan membuat potongan-potongan dari gaji pekerja-pekerjanya sebagai bayaran untuk kesatuan sekerja atas tujuan subskripsi.

### **51. Larangan untuk membayar denda atau penalti.**

Wang suatu kesatuan sekerja berdaftar tidak boleh dipakai sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi membayar seluruh atau sebahagian daripada sesuatu denda atau penalti yang dikenakan ke atas seseorang melalui hukuman atau perintah suatu mahkamah.

### **52. Larangan menggunakan wang bagi tujuan politik.**

(1) Wang suatu kesatuan sekerja berdaftar tidak boleh dipakai sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam apa-apa pembayaran sekalipun kepada suatu parti politik atau sebagai lanjutan kepada sesuatu tujuan politik.

(2) Ungkapan “tujuan politik” yang dirujuk di bawah subseksyen (1) termasuk—

- (a) membayar sesuatu perbelanjaan yang dialami sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh seorang calon dan bakal calon untuk dipilih ke Dewan Rakyat atau sesuatu Dewan Undangan Negeri sebelum, semasa atau selepas pilihanraya yang berkaitan dengan pencalonannya atau pilihanraya;
- (b) mengadakan sesuatu mesyuarat atau pengedaran sesuatu bahan bacaan atau dokumen-dokumen yang menyokong mana-mana calon atau bakal calon itu;
- (c) penyenggaraan seseorang yang menjadi ahli Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan Negeri;
- (d) pendaftaran pengundi-pengundi atau pemilihan seorang calon sebagai ahli Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan Negeri;
- (e) mengadakan apa-apa jenis mesyuarat politik atau pengedaran bahan bacaan politik atau apa-apa jenis dokumen politik; atau

- (f) sesuatu tujuan yang Menteri boleh tetapkan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

### **53. Injeksi untuk menyekat penyalahgunaan wang.**

Suatu injeksi untuk menyekat apa-apa perbelanjaan wang yang tidak dibenarkan atau yang menyalahi undang-undang terhadap wang suatu kesatuan sekerja berdaftar boleh diberikan atas permohonan mana-mana lima orang yang mempunyai suatu kepentingan yang mencukupi mengenai relif yang diminta, atau oleh Ketua Pengarah, atau Pendakwa Raya.

### **54. Penyimpanan wang kesatuan sekerja berdaftar.**

(1) Di mana suatu notis telah diberikan oleh Ketua Pengarah kepada suatu kesatuan sekerja di bawah seksyen 15(2A), Ketua Pengarah boleh, jika dia berpuas hati bahawa ada kemungkinan bahawa wang kesatuan itu boleh disalahgunakan, melalui perintah mengarahkan sesuatu bank di Malaysia supaya jangan membayar cek-cek yang dibuat atas akaun kesatuan tersebut bagi suatu tempoh yang ditentukan yang tidak lebih daripada enam bulan.

(2) Seseorang pegawai bank yang mematuhi suatu perintah Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) hendaklah dibebaskan daripada apa-apa liabiliti kepada seseorang lain berkenaan dengan pembayaran yang dilarang oleh perintah sedemikian.

(3) Pengurus sesuatu bank yang gagal mematuhi suatu perintah Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda yang tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak lebih daripada tiga tahun, atau kedua-duanya.

(4) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan disiarkan dalam *Warta* nama sesuatu kesatuan sekerja yang berkenaan dengannya suatu perintah dibuat di bawah subseksyen (1).

(5), (6) dan (7) — *(Dimansuhkan)*.



## **55. Kewajipan untuk memberi akaun.**

(1) Tiap-tiap bendahari suatu kesatuan sekerja berdaftar dan tiap-tiap pegawai dan pekerja lain yang bertanggungjawab atas akaun-akaun kesatuan atau bagi pekerja lain yang bertanggungjawab atas akaun-akaun kesatuan atau bagi pengutipan, ganti bayaran, jagaan atau kawalan wang, hendaklah memasukkan atau menyebabkan dimasukkan dalam akaun kesatuan tersebut suatu rekod mengenai semua penerimaan dan bayaran keluar wang kesatuan itu dan hendaklah apabila dia letak jawatan atau meninggalkan jawatan atau pekerjaannya dan sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun pada masa yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah kesatuan dan pada lain-lain masa yang dia dikehendaki berbuat demikian oleh suatu resolusi anggota-anggota kesatuan atau oleh kaedah-kaedah, atau oleh Ketua Pengarah, memberikan kepada suatu kesatuan dan anggota-anggotanya atau kepada Ketua Pengarah mengikut mana yang berkenaan, suatu akaun yang wajar dan betul bagi semua wang yang diterima dan dibayar olehnya pada tempoh yang telah berlalu sejak tarikh dia memegang jawatannya, atau jika dia telah memberikan suatu akaun sebelum ini, sejak tarikh akhir apabila dia memberikan akaun tersebut dan baki yang ada dalam tangannya, pada masa akaun itu diberi dan semua bon, sekuriti atau harta-harta lain kesatuan sekerja itu yang diletakkan dalam jagaan atau di bawah kawalannya.

(2) Bentuk akaun boleh ditetapkan oleh peraturan.

(3) Akaun itu hendaklah disahkan melalui akaun berkanun dan kesatuan itu hendaklah menyebabkan akaun itu diaudit oleh seorang yang layak dan patut yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(4) Setelah akaun itu diaudit, bendahari dan pegawai atau pekerja lain yang disebutkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dengan segera memberi kepada pemegang amanah kesatuan, jika dikehendaki oleh mereka untuk berbuat demikian, baki sebagaimana yang ada yang perlu dibayar olehnya dan juga jika dikehendaki, semua bon, sekuriti, efek-efek, buku, suratan-suratan dan harta kesatuan yang ada dalam tangannya atau jagaan atau sebaliknya di bawah kawalannya.

**56. Penyata tahunan hendaklah disediakan sebagaimana diarahkan oleh Ketua Pengarah.**

[Pind. Akta  
A1324]

(1) Suatu kenyataan am yang diaudit dengan cara yang ditetapkan oleh peraturan mengenai penerimaan, wang, efek dan perbelanjaan tiap-tiap kesatuan sekerja berdaftar berkenaan dengan tempoh dua belas bulan yang terakhir pada hari ketiga puluh satu bulan Mac tiap-tiap tahun hendaklah disampaikan kepada Ketua Pengarah sebelum hari pertama bulan Oktober tiap-tiap tahun, dan hendaklah menunjukkan sepenuhnya aset dan liabiliti pada tarikh itu dan penerimaan dan perbelanjaan pada tahun sebelum tarikh ianya dibuat, kesatuan sekerja dan hendaklah menunjukkan secara berasingan perbelanjaan berkenaan dengan tujuan-tujuan kesatuan dan hendaklah disediakan dan dibuat hingga tarikh sedemikian, dalam bentuk sedemikian, dan hendaklah terdiri daripada butir-butir, yang Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa perlukan; dan tiap-tiap ahli dan pendeposit sesuatu kesatuan sekerja berhak menerima, atas permohonan kepada bendahari atau setiausaha kesatuan sekerja itu satu salinan kenyataan am, tanpa membuat apa-apa bayaran bagi yang sama.

(1A) Kenyataan am yang dirujuk dalam subseksyen 1 hendaklah ditentukan melalui akuan berkanun, dan kesatuan itu hendaklah menyebabkan kenyataan am itu diaudit oleh seorang yang layak dan patut yang diluluskan oleh Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa tiada kesatuan sekerja akan menyebabkan kenyataan amnya diaudit oleh orang yang sama lebih daripada tiga tahun berturut-turut.

(1B) Ketua Pengarah boleh, jika dia anggap perlu, dengan notis bertulis—

(a) mengarahkan kehadiran hadapannya, dalam masa dan tempat yang ditetapkan dalam notis itu, seseorang yang dilantik untuk audit kenyataan am mana-mana kesatuan sekerja bagi sebarang tujuan berkaitan dengan audit itu; atau

(b) mengarahkan mana-mana kesatuan sekerja untuk menyebabkan kenyataan amnya diaudit selanjutnya dalam cara seperti yang dia kehendaki.

(1c) Semua perbelanjaan yang dibiayai dalam mematuhi mana-mana arahan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1b) hendaklah ditanggung oleh kesatuan sekerja berkenaan.

(2) Bersama-sama dengan kenyataan am yang disebutkan di dalam subseksyen (1), setiausaha tiap-tiap kesatuan sekerja berdaftar hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah satu salinan mengenai semua perubahan atau pindaan mengenai kaedah-kaedah, dan semua kaedah-kaedah baru, dan satu senarai pertukaran pegawai, yang dibuat oleh kesatuan dalam tempoh dua belas bulan sebelum hari ketiga puluh satu Mac, dan satu salinan mengenai kaedah-kaedah kesatuan sekerja yang berkuatkuasa dan butir-butir keanggotaannya, pada hari itu.

(3) Semua anggota suatu kesatuan sekerja berdaftar adalah berhak menerima dengan percuma satu salinan kenyataan am yang disebutkan di dalam subseksyen (1) dan setiausaha tiap-tiap kesatuan sekerja berdaftar hendaklah menghantarkan satu salinan kenyataan itu kepada tiap-tiap ahli kesatuannya yang membuat permohonan kepadanya.

(4) Setiap kesatuan sekerja yang berdaftar dan presiden, setiausaha dan bendahari kesatuan sekerja yang berdaftar itu yang gagal untuk mematuhi mana-mana kehendak subseksyen (1) adalah secara bersesama dan berasingan melakukan kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari yang kesalahan itu berterusan; dan mana-mana setiausaha kesatuan sekerja yang berdaftar yang gagal untuk mematuhi mana-mana kehendak subseksyen (2) dan (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari yang kesalahan itu berterusan.

[Gan. Akta  
A1324]

(5) Tiap-tiap orang yang dengan sengaja membuat atau memerintah atau menyebabkan atau cuba supaya dibuat sesuatu kemasukan secara palsu atau ketinggalan dalam sesuatu akaun sesuatu kesatuan sekerja berdaftar atau kenyataan am, salinan atau senarai yang dihantarkan kepada Ketua Pengarah di bawah

subseksyen (1) dan (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak lebih daripada enam bulan, atau kedua-duanya.

#### **57. Penyimpanan dan pemeriksaan akaun dan rekod.**

(1) Tiap-tiap kesatuan sekerja berdaftar hendaklah menyebabkan buku-buku akaun dan rekod-rekod lain disimpan sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

(2) Buku atau rekod yang disebutkan di dalam subseksyen (1), rekod prosiding kesatuan sekerja, dan suatu senarai anggotanya hendaklah pada bila-bila masa yang munasabah dibuka untuk pemeriksaan oleh mana-mana anggota kesatuan sekerja itu atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dalam wang kesatuan sekerja itu, atau Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh, bertindak untuk seorang anggota atau bagi pihaknya sendiri di dalam sesuatu kes tertentu memerintahkan supaya buku akaun dan rekod-rekod lain suatu kesatuan sekerja itu diadakan untuk diperiksa atau diaudit oleh seorang yang layak dan patut yang diluluskan olehnya.

(4) Tiap-tiap kesatuan sekerja dan tiap-tiap anggota eksekutifnya yang melanggar subseksyen (1) atau (2) atau gagal mematuhi mana-mana perintah di bawah subseksyen (3), adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

**58. Peraturan-peraturan.**

(1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau melaksanakan prinsip-prinsip dan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa memudaratkan keluasan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk atau berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara berikut—

- (a) semua perkara yang dinyatakan atau dikehendaki ditentukan di bawah Akta ini;
- (b) buku dan daftar yang disimpan bagi maksud-maksud Akta ini dan bentuknya;
- (c) cara bagaimana kesatuan sekerja dan kaedah-kaedah kesatuan sekerja didaftarkan dan fee yang kena dibayar apabila didaftarkan;
- (d) cara bagaimana dan kelayakan orang-orang yang olehnya, akaun-akaun kesatuan sekerja berdaftar atau sesuatu kelas kesatuan sekerja sedemikian hendaklah diauditkan;
- (e) syarat-syarat yang tertakluk kepada pemeriksaan dokumen-dokumen yang disimpan oleh Ketua Pengarah hendaklah dibenarkan dan fee-fee yang boleh dikenakan berkenaan dengan pemeriksaan sedemikian;
- (f) pelupusan sempurna dan jagaan selamat akan wang suatu kesatuan sekerja;
- (g) mewujudkan, mentadbir, menjaga, mengawal dan melupuskan kumpulan wang kesatuan sekerja berdaftar itu dan semua perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya;
- (h) penalti bagi sesuatu pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi sesuatu peruntukan sesuatu peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini: dengan syarat bahawa tiada

penalti boleh melebihi penalti yang ditetapkan di bawah seksyen 63; dan

- (i) amnya bagi semua perkara yang berkenaan atau yang berkaitan dengan perkara-perkara atau subjek-subjek yang disebutkan dengan nyata di bawah subseksyen ini.

(3) Menteri boleh melalui peraturan mengisytiharkan bahawa sesuatu peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (2)(g) hendaklah terpakai ke atas suatu tred yang nyata sahaja atau bahawa sesuatu kesatuan sekerja atau kelas kesatuan sekerja hendaklah dikecualikan daripada penguatkuasaan sesuatu peraturan yang disebut di bawah tajuk subseksyen itu.

(4) Semua peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada mesyuarat pertama Dewan Rakyat selepas penerbitan peraturan-peraturan di dalam *Warta*.

## BAHAGIAN X

### KESALAHAN DAN PENALTI

#### 59. Tindakan yang dilakukan sebelum pendaftaran.

Tiap-tiap orang dan tiap-tiap kesatuan sekerja yang, sebelum daripada pendaftaran kesatuan itu di bawah Akta ini melakukan suatu tindakan lanjutan kepada sesuatu tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam tafsiran kesatuan sekerja di bawah seksyen 2, adalah melakukan suatu kesalahan:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa di bawah seksyen ini boleh dipakai kepada sesuatu tindakan yang dilakukan dengan suci hati dalam mengendalikan dan bagi maksud penubuhan kesatuan sekerja itu.

#### 60. Penyalahgunaan wang atau harta suatu kesatuan sekerja berdaftar.

(1) Di mana, atas suatu aduan yang dibuat oleh seorang anggota suatu kesatuan sekerja berdaftar, atau oleh Ketua Pengarah, dapat ditunjukkan hingga memuaskan hati Mahkamah Sesyen bahawa seorang pegawai, pekerja atau anggota atau bekas pegawai, pekerja

atau anggota kesatuan itu ada di dalam milik atau kawalannya apa-apa harta kesatuan itu melainkan menurut kaedah-kaedah kesatuan atau membelanjakan dan memegang dengan menyalahi undang-undang apa-apa wang kesatuan itu, Mahkamah hendaklah, jika dipertimbangkan dari keadilan kes itu, mengarahkan supaya pegawai, pekerja atau anggota sedemikian menghantarkan semua harta kepada pemegang amanah kesatuan itu dan membayar kepada mereka wang yang dibelanjakan atau disimpan dengan menyalahi undang-undang.

(2) Suatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1), selain daripada suatu aduan yang dibuat oleh Ketua Pengarah, tidak akan dilayan melainkan jika Mahkamah Sesyen berpuas hati, bahawa si pengadu pada tarikh aduan itu dibuat ialah seorang anggota kesatuan sekerja berdaftar yang berkenaan dengan hartanya aduan itu dibuat.

(3) Seseorang yang diikat oleh suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) yang gagal mematuhi syarat-syarat dan arahan-arahan yang diberi di dalamnya dalam tempoh suatu masa yang ditetapkan dalam perintah tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, oleh Mahkamah Sesyen boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit.

(4) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) tidak akan menyentuh atau menghalang suatu dakwaan atau prosiding sivil terhadap mana-mana pegawai, pekerja atau anggota.

#### **61. Memberikan maklumat palsu mengenai kesatuan sekerja.**

Seseorang yang berniat untuk menipu, memberi kepada seorang anggota suatu kesatuan sekerja berdaftar atau kepada seseorang yang berniat atau memohon untuk menjadi seorang anggota kesatuan sekerja sedemikian sesuatu dokumen yang dianggap sebagai suatu salinan peraturan-peraturan kesatuan sekerja atau sesuatu pertukaran yang dia tahu, atau mempunyai sebab untuk mempercayai, adalah suatu salinan kaedah-kaedah atau pertukaran-pertukaran yang tidak betul yang sedang berkuatkuasa, atau seseorang yang, dengan niat yang sama, memberi satu salinan apa-

apa kaedah suatu kesatuan sekerja yang tidak berdaftar kepada seseorang dengan berpura-pura bahawa kaedah-kaedah sedemikian adalah kaedah-kaedah suatu kesatuan sekerja berdaftar, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

## **62. Kegagalan untuk menyerah nyata.**

(1) Jika keingkaran dilakukan oleh sesuatu kesatuan sekerja berdaftar dalam melakukan sesuatu tindakan, dalam memberi apa-apa notis atau dalam menghantar sesuatu kenyataan, penyata atau dokumen lain yang diperlukan di bawah Akta ini atau oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, tiap-tiap pegawai atau orang lain yang terikat oleh kaedah-kaedah kesatuan sekerja itu atau di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya untuk melakukan perbuatan sedemikian, atau untuk memberi notis sedemikian atau untuk menyerah kenyataan, penyata atau dokumen sedemikian, atau jika tiada pegawai atau orang sedemikian tiap-tiap ahli eksekutif kesatuan sekerja berdaftar adalah berasingan melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit.

(2) Seseorang yang berniat untuk mampu menyerah kepada Ketua Pengarah sesuatu kenyataan, penyata atau dokumen yang diperlukan di bawah Akta ini atau sesuatu peraturan yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah tidak betul, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan, dikenakan denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## **63. Penalti am.**

(1) Tiap-tiap orang dan tiap-tiap kesatuan sekerja yang melanggar—

(a) sesuatu peruntukan Akta ini yang untuknya tiada hukuman lain diperuntukkan;



- (b) sesuatu kaedah kesatuan berhubungan dengan sesuatu perkara yang ditetapkan dalam Jadual Pertama;
- (c) sesuatu peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang untuknya tiada hukuman lain diperuntukkan; atau
- (d) sesuatu surat saman, perintah, arahan atau syarat yang diberi, dibuat atau dikenakan di bawah Akta ini,

adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini yang untuknya tiada hukuman lain diperuntukkan, dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

(2) Atas sabitan suatu kesatuan sekerja berdaftar di bawah Akta ini, tiap-tiap seorang yang dibuktikan adalah seorang pegawai atau anggota eksekutif kesatuan sekerja itu pada bila-bila masa selepas mula berkuatkuasa Akta ini hendaklah disifatkan sebagai berasingan melakukan kesalahan yang kesatuan sekerja itu telah disabitkan dan mahkamah hendaklah, setelah siasatan yang perlu mengisytiharkan dalam dapatannya dan memerintahkan nama tiap-tiap orang yang disifatkan sedemikian sebagai bersalah dan menjatuhkan hukuman ke atasnya menurut undang-undang.

#### **64. Pendakwaan dan kuasa memasuki premis-premis.**

(1) Sesuatu pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau sesuatu peraturan boleh diambil oleh Ketua Pengarah dengan persetujuan bertulis Pendakwa Raya terlebih dahulu.

(2) Ketua Pengarah boleh—

- (a) bagi maksud-maksud menjalankan sesuatu tugas atau dalam menjalankan sesuatu fungsinya di bawah Akta ini atau sesuatu peraturan, atau sebaliknya bagi sesuatu maksud Akta ini atau sesuatu peraturan, memasuki pada bila-bila masa yang munasabah ke dalam pejabat kesatuan sekerja berdaftar atau sesuatu premis atau tempat yang dia percayai ada tersimpan atau digunakan bagi maksud-maksud kesatuan sekerja itu dan boleh menjalankan apa-

apa penyiasatan dan pemeriksaan yang dia anggapkan perlu; dan

- (b) jika dia mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau sesuatu peraturan telah dilakukan, memasuki pada bila-bila masa setelah memperolehi suatu waran geledah daripada seorang Majistret, sesuatu pejabat, premis atau tempat yang ditetapkan dalam waran geledah dan menjalankan sesuatu geledah, penyiasatan atau pemeriksaan dan merampas atau menahan sesuatu artikel atau dokumen yang dijumpai di pejabat, premis atau tempat sedemikian yang mungkin diperlukan bagi maksud-maksud sesuatu pendakwaan berkenaan dengan kesalahan itu.

(3) Suatu waran geledah di bawah subseksyen (2)(b) boleh dikeluarkan oleh seorang Majistret kepada Ketua Pengarah jika dia berpuas hati atas maklumat bertulis oleh Ketua Pengarah bahawa ada sebab yang baik untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan telah dilakukan, dan bahawa pejabat, premis atau tempat yang akan ditentukan dalam waran geledah disimpan atau digunakan bagi maksud-maksud kesatuan sekerja itu.

#### **65. Kecualian mengenai kesalahan di bawah undang-undang bertulis yang lain.**

Tertakluk kepada fasal (2) Perkara 7 Perlembagaan, kesalahan atau penalti yang ditafsirkan khas dan diperuntukkan di dalam Akta ini adalah sebagai tambahan kepada dan bukan sebagai ganti kepada kesalahan dan penalti yang ditafsirkan dan diperuntukkan dalam undang bertulis yang lain.

66. Akta tidak menyentuh perjanjian-perjanjian tertentu atau memberi kuasa kepada tindakan di luar kaedah-kaedah.

(1) Akta ini tidak menyentuh—

- (a) sesuatu perjanjian di antara pekongsi-pekongsi mengenai perniagaan mereka;
- (b) sesuatu perjanjian di antara seorang majikan dan mereka yang diambil kerja olehnya mengenai pekerjaan sedemikian; atau
- (c) sesuatu perjanjian sebagai balasan kepada penjualan muhibah perniagaan atau arahan di dalam sesuatu profesyen, tred atau kraftangan.

(2) Tiada apa-apa di dalam Akta ini boleh disifatkan sebagai memberi kuasa kepada suatu kesatuan sekerja untuk bertindak melanggar atau melebihi kuasa-kuasa yang diberikan ke atasnya melalui kaedah-kaedahnya.

67. Perundangan berhubung dengan persatuan dan syarikat tidak dipakai kepada kesatuan sekerja.

(1) Akta Pertubuhan 1966<sup>1</sup> dan sesuatu undang-undang bertulis yang lain yang memperuntukkan pendaftaran atau merekodkan persatuan tidak terpakai kepada suatu kesatuan sekerja yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis kesatuan sekerja sedemikian hendaklah dari itu disifatkan sebagai telah dibatalkan dan tidak mempunyai kesan bagi maksud Akta ini.

(2) Tiada pertubuhan atau gabungan orang-orang kerja atau majikan-majikan yang mempunyai di antara tujuan-tujuannya satu atau lebih tujuan-tujuan seperti tertera dalam perenggan (c) tafsiran "kesatuan sekerja" di dalam seksyen 2(1) selain daripada peraturan perhubungan di antara orang-orang kerja dan orang-orang kerja atau di antara majikan-majikan dan majikan-majikan, mengikut mana yang berkenaan, boleh didaftarkan sebagai suatu persatuan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau di bawah sesuatu

undang-undang bertulis yang lain yang memperuntukkan pendaftaran atau merekodkan persatuan; dan sesuatu pertubuhan atau gabungan (yang bukan suatu kesatuan sekerja berdaftar atau dikecualikan daripada seksyen ini oleh sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4)), hendaklah disifatkan sebagai persatuan yang menyalahi undang-undang bagi maksud-maksud Akta tersebut dan undang-undang bertulis sedemikian yang lain.

(3) Tiada syarikat yang didaftarkan di bawah sesuatu undang-undang bertulis yang berhubungan dengan syarikat-syarikat di Malaysia adalah layak untuk memohon untuk didaftarkan sebagai suatu kesatuan sekerja, dan tiada kesatuan sekerja boleh didaftarkan sebagai suatu syarikat di bawah undang-undang bertulis sedemikian dan sesuatu pendaftaran sedemikian hendaklah daripada itu disifatkan sebagai dibatalkan dan tidak berkuatkuasa bagi maksud Akta ini.

(4) Menteri boleh melalui perintah, sama ada sepenuhnya atau tertakluk kepada apa-apa syarat-syarat yang dia fikirkan patut, mengecualikan sesuatu pertubuhan atau gabungan orang kerja atau majikan dari semua atau sesuatu peruntukan seksyen ini.

#### **68. Penyampaian proses undang-undang.**

Tiap-tiap saman, notis atau dokumen lain yang perlu disampaikan ke atas suatu kesatuan sekerja dalam prosiding sivil atau jenayah hendaklah disifatkan sebagai disampaikan dengan sempurna jika ianya dihantarkan kepada pejabat berdaftar kesatuan sekerja itu atau jika ianya disampaikan secara persendirian kepada presiden atau bendahari atau setiausaha atau ke atas seorang pegawai kesatuan sekerja itu dengan syarat bahawa penyampaian sedemikian adalah menurut kehendak-kehendak sesuatu undang-undang bertulis yang relevan.

[Mas. Akta  
A1324]

#### **68A. Menyampaikan saman yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.**

(1) Saman yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 71 boleh disampaikan secara persendirian, jika boleh dilaksanakan, ke atas orang yang disaman dengan

menunjukkannya saman asal dan dengan mengemukakan atau menghantar kepadanya satu salinan saman itu.

(2) Setiap orang ke atas siapa saman disampaikan hendaklah, apabila dikehendaki oleh pegawai yang menyampai, menandatangani menerima salinan saman itu di bahagian belakang saman asal itu.

(3) Dalam kes sebuah perbadanan saman boleh disampaikan kepada setiausaha atau lain-lain pegawai yang serupa dari perbadanan itu.

(4) Di mana seorang yang akan disaman tidak dapat dikesan melalui usaha wajar saman itu boleh disampaikan dengan meninggalkan satu salinan saman itu kepada beliau dengan anggota keluarganya yang dewasa atau dengan orang gaji yang tinggal bersama dengannya.

(5) Di mana orang yang akan disaman tidak dapat dikesan melalui usaha wajar dan penyampaian tidak boleh dilaksanakan dalam cara yang diperuntukkan dalam subseksyen (4), pegawai yang menyampai hendaklah melekatkan satu salinan saman di mana-mana bahagian yang mudah dilihat di rumah itu atau lain-lain tempat di mana orang yang disaman biasanya tinggal, dan dalam kes sedemikian saman itu hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya.

(6) Apabila suatu saman yang dikeluarkan disampaikan di bawah seksyen ini, suatu affidavit bagi penyampaian sedemikian berupa sebagai dilakukan di hadapan seorang pegawai yang diberikuasa sewajarnya untuk mengendalikan sumpah hendaklah diterima sebagai keterangan.

## **69. Pemberitahuan di dalam Warta.**

Fakta bahawa sesuatu kesatuan sekerja itu telah didaftarkan, fakta bahawa sijil pendaftaran sesuatu kesatuan sekerja berdaftar telah ditarik balik atau dibatalkan, fakta bahawa sesuatu pertukaran nama atau penyatuan yang menyentuh sesuatu kesatuan sekerja berdaftar telah didaftarkan, fakta bahawa sesuatu pertukaran tempat pejabat berdaftar suatu kesatuan sekerja telah didaftarkan, dan

fakta bahawa sesuatu kesatuan sekerja berdaftar telah dibubarkan hendaklah diberitahu oleh Ketua Pengarah di dalam *Warta*.

**70. Pemeriksaan, pengeluaran dan keterangan dokumen-dokumen Ketua Pengarah.**

(1) Suatu sijil pendaftaran suatu kesatuan sekerja atau sesuatu dokumen lain dalam milik Ketua Pengarah yang diterima daripada sesuatu kesatuan sekerja berdasarkan ianya diperolehi untuk dikemukakan kepada Ketua Pengarah di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan, boleh dengan kelulusan Ketua Pengarah, diperiksa oleh seseorang atas bayaran fee yang ditetapkan dan mana-mana orang boleh atas bayaran fee yang ditetapkan, mendapatkan daripada Ketua Pengarah suatu salinan yang diperakui atau cabutan perakuan pendaftaran sesuatu kesatuan sekerja berdaftar atau suatu salinan yang diperakui atau cabutan daripada sesuatu dokumen lain seperti yang tersebut di atas yang ada dalam pemilikan Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh dengan budi bicara mutlaknyanya dan tanpa memberi suatu sebab mengenainya enggan memberi kelulusan bagi pemeriksaan sesuatu dokumen atau enggan membatahkan suatu salinan atau suatu cabutan sesuatu dokumen.

(2) Tiada proses bagi memaksa pengeluaran sesuatu dokumen yang disimpan oleh Ketua Pengarah boleh dikeluarkan daripada mana-mana mahkamah kecuali dengan kebenaran mahkamah itu dan sesuatu proses sedemikian jika dikeluarkan hendaklah mempunyai suatu kenyataan bahawa ianya dikeluarkan dengan kebenaran mahkamah itu.

(3) Suatu salinan atau keluaran daripada sesuatu dokumen yang disimpan dan didaftarkan di pejabat Ketua Pengarah, yang diperakui sebagai suatu salinan benar yang ditandatangani dan dimeteraikan oleh Ketua Pengarah, hendaklah dalam semua prosiding undang-undang boleh diterima dalam keterangan sebagai sama sah dengan dokumen asal.

## **71. Kuasa Ketua pengarah untuk memanggil saksi-saksi.**

(1) Ketua Pengarah boleh memanggil ke hadapannya seseorang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai boleh memberi sesuatu maklumat—

(a) berkenaan dengan kewujudan atau berkenaan dengan perjalanan sesuatu kesatuan sekerja atau kesatuan sekerja yang disyaki yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini; atau

(b) berkenaan dengan aktiviti-aktiviti sesuatu kesatuan sekerja berdaftar.

(2) Orang yang dipanggil sedemikian hendaklah hadir pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam saman itu dan mengeluarkan semua dokumen dalam jagaan, milik atau kuasanya yang berhubungan dengan kesatuan sekerja atau kesatuan sekerja yang disyaki itu dan menjawab dengan benar semua soalan-soalan yang Ketua Pengarah kemukakan kepadanya.

(3) Ketua Pengarah boleh mengendalikan sumpah dan memeriksa atas sumpah seseorang yang dipanggil ke hadapannya di bawah seksyen ini.

(4) Seseorang yang enggan mematuhi perintah sedemikian atau menghalang pematuhan kepada perintah sedemikian boleh ditangkap dan ditahan dalam jagaan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit.

(5) Tiada kenyataan yang dibuat oleh seseorang yang dipanggil ke hadapan Ketua Pengarah di bawah seksyen ini boleh menyebabkan dia dikenakan sesuatu tangkapan atau dakwaan jenayah, atau dibuktikan terhadapnya di dalam sesuatu pembicaraan jenayah, melainkan suatu pendakwaan bagi kegagalan untuk menjawab dengan benar di bawah seksyen ini.

## **71A. Rayuan kepada Menteri.**

(1) Seseorang yang tidak puas hati dengan sesuatu pendapat, perintah, pengumuman, penolakan, pembatalan, tarikbalik, arahan atau keputusan, mengikut mana yang berkenaan, yang diberi.

dibuat atau dikuatkuasakan oleh Ketua Pengarah di bawah mana-mana peruntukan yang berikut:

- (a) seksyen 2(2);
- (b) seksyen 12;
- (c) seksyen 15(2)(b) atau seksyen 15(4);
- (d) seksyen 16(1);
- (e) seksyen 17(1);
- (f) seksyen 25A(4);
- (g) seksyen 28(1)(d) atau seksyen 29(2)(b);
- (h) seksyen 34(2);
- (i) seksyen 40(6) atau seksyen 40(9);
- (j) seksyen 54(1);
- (k) seksyen 76A(1); atau
- (l) seksyen 76C(1).

boleh, dalam masa tiga puluh hari daripada tarikh pendapat, perintah, pengumuman, penolakan, pembatalan, tarikbalik, arahan atau keputusan Ketua Pengarah, merayu terhadap yang sama kepada Menteri, dengan cara yang ditetapkan oleh perakuan.

(2) Suatu rayuan di bawah subseksyen (1) tidak boleh berjalan kuatkuasa sebagai suatu penggantungan pelaksanaan pendapat, perintah, pengumuman, penolakan, pembatalan, tarikbalik, arahan atau keputusan Ketua Pengarah mengikut mana yang berkenaan, melainkan Menteri sebaliknya mengarah, dan di mana dia mengarahkan sedemikian boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat difikirkan patut.

(3) Menteri boleh setelah mempertimbangkan sesuatu rayuan sedemikian, memberi keputusan sebagaimana yang dia sifatkan adil dan wajar.

(4) Suatu arahan atau keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad dan konklusif.



## BAHAGIAN XII

### PERSEKUTUAN KESATUAN SEKERJA

#### 72. Pembentukan persekutuan kesatuan sekerja.

Dua atau lebih kesatuan sekerja berdaftar di Malaysia yang anggotanya diambil kerja dalam suatu tred, pekerjaan atau industri yang serupa, boleh membentuk atau mewujudkan suatu persekutuan kesatuan sekerja jika kebenaran anggota-anggota tiap-tiap kesatuan sekerja berdaftar yang ingin membentuk atau mewujudkan suatu persekutuan telah diperolehi oleh suatu undi majoriti yang diambil di suatu mesyuarat agung atau suatu mesyuarat wakil-wakil, mengikut mana yang berkenaan, setelah disampaikan kepada Ketua Pengarah dan semua anggota-anggota kesatuan, tidak kurang daripada empat belas hari sebelum mesyuarat sedemikian, notis resolusi yang dicadangkan untuk mengambil bahagian dalam persekutuan itu.

#### 73. Pendaftaran persekutuan kesatuan sekerja.

(1) Tiap-tiap persekutuan kesatuan sekerja yang ditubuhkan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah memohon untuk didaftarkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh yang ianya ditubuhkan.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran di bawah seksyen ini hendaklah ditandatangani oleh setiausaha dan oleh tujuh orang anggota tiap-tiap satu dan tiap-tiap kesatuan sekerja berdaftar yang membentuk atau mewujudkan persekutuan sedemikian.

(3) Apabila mana-mana permohonan sedemikian diterima Ketua Pengarah hendaklah, jika dia berpuas hati bahawa seksyen ini dan seksyen 72 telah dipatuhi dan bahawa persekutuan itu berhak didaftarkan, mendaftarkan persekutuan itu.

(4) Ketua Pengarah boleh, jika dia fikirkan patut dari semasa ke semasa, memberi suatu lanjutan tempoh yang ditetapkan dalam subseksyen (1), dengan syarat bahawa tiada tempoh sedemikian boleh dalam sesuatu kes tertentu, dilanjutkan hingga melebihi suatu tempoh enam bulan agregat.

(5) Bagi maksud-maksud seksyen ini—

- (a) suatu persekutuan kesatuan sekerja hendaklah disifatkan telah ditubuhkan sebelum mula berkuatkuasanya Bahagian ini jika resolusi bagi penubuhan atau bagi mewujudkan persekutuan sedemikian telah diluluskan pada hakikatnya dengan cara yang diperuntukkan oleh seksyen 72 oleh sekurang-kurangnya dua kesatuan sekerja berdaftar sebelum tarikh mulanya penguatkuasaan itu;
- (b) suatu persekutuan kesatuan sekerja yang ditubuhkan selepas mula berkuatkuasa Akta ini hendaklah disifatkan sebagai ditubuhkan pada tarikh bila resolusi diluluskan dengan cara yang diperuntukkan sebelum daripada ini oleh sekurang-kurangnya dua kesatuan sekerja berdaftar yang bersetuju menubuh dan mewujudkan persekutuan sedemikian:

Dengan syarat bahawa, sekiranya resolusi yang diluluskan pada tarikh yang berlainan, tarikh penubuhan persekutuan tersebut hendaklah disifatkan sebagai tarikh diluluskan bagi kali keduanya resolusi-resolusi tersebut.

#### **74. Gabungan dengan persekutuan kesatuan sekerja berdaftar.**

(1) Suatu kesatuan sekerja berdaftar boleh bergabung dengan suatu persekutuan kesatuan sekerja berdaftar yang mewakili tred, pekerjaan atau industri yang serupa, jika persetujuan anggota-anggota kesatuan sekerja mengenai gabungan telah diperolehi dengan cara yang diperuntukkan di dalam seksyen 72, dan persekutuan kesatuan sekerja memfailkan dengan Ketua Pengarah suatu notis, yang ditandatangani oleh setiausaha persekutuan itu, bahawa permohonan untuk gabungan telah diluluskan dengan sempurna oleh persekutuan.

(2) Notis secara bertulis mengenai sesuatu resolusi bagi gabungan yang diluluskan oleh suatu kesatuan sekerja berdaftar di bawah subseksyen (1) yang ditandatangani oleh setiausaha dan oleh tujuh orang anggota kesatuan tersebut hendaklah difailkan dengan Ketua Pengarah dalam tempoh satu bulan dari tarikh kelulusan resolusi sedemikian.

(3) Apabila kedua-dua notis yang disebutkan di bawah subseksyen (1) dan (2) difailkan, Ketua Pengarah, jika dia berpuas hati bahawa peruntukan-peruntukan seksyen ini dipatuhi dan bahawa kesatuan sekerja berhak bergabung dengan persekutuan, memasukkan fakta mengenai gabungan itu dalam daftar, dan seterusnya, kesatuan sekerja itu hendaklah disifatkan sebagai anggota persekutuan itu dari tarikh penerimaan gabungan itu oleh persekutuan.

#### **75. Peruntukan dan penalti yang boleh dipakai kepada persekutuan kesatuan sekerja.**

Peruntukan Akta ini berhubungan dengan kesatuan sekerja (termasuk peruntukan mengenai penalti) hendaklah terpakai sejauh mana yang sama adalah terpakai kepada persekutuan kesatuan sekerja seolah-olah persekutuan itu ialah suatu kesatuan sekerja.

#### **76. Keputusan melalui undi sulit.**

Peruntukan Akta ini berhubungan dengan mengambil keputusan-keputusan undi sulit hendaklah terpakai kepada suatu persekutuan kesatuan sekerja seolah-olah tiap-tiap seorang anggota kesatuan sekerja yang menganggotai persekutuan itu adalah anggota persekutuan itu dan bukan kesatuan itu, melainkan dalam perkara pengundian pegawai-pegawai, yang akan diundi melalui undi sulit bagi mewakili komponen kesatuan-kesatuan.

### **BAHAGIAN XIIA**

#### **BADAN PERUNDING**

#### **76A. Larangan terhadap pembentukan atau gabungan dengan badan perunding atau badan seumpamanya.**

(1) Tiada kesatuan sekerja berdaftar di bawah Akta ini akan bergabung dengan, atau menjadi anggota, mana-mana badan perunding atau badan yang seumpamanya, dengan apa pun nama yang dipanggil, yang di tubuhkan di luar Malaysia, melainkan dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu Ketua Pengarah dan tertakluk kepada syarat-syarat sepertimana yang dia kenakan:

Dengan syarat bahawa tiada kebenaran tersebut akan diberikan jika Ketua Pengarah berpuas hati—

(a) bahawa badan itu meneruskan atau berniat untuk meneruskan mana-mana tujuan tertera dalam tafsiran "kesatuan sekerja" di dalam seksyen 2(1) selain daripada peraturan perhubungan di antara orang-orang kerja dan orang-orang kerja atau di antara majikan-majikan dan majikan-majikan, mengikut mana yang berkenaan; atau

(b) bahawa kebenaran anggota-anggota kesatuan itu tidak diperolehi oleh suatu undi majoriti yang diambil di suatu mesyuarat agung atau suatu mesyuarat wakil-wakil, setelah disampaikan kepada anggota-anggota atau wakil-wakil, mengikut mana yang berkenaan, tidak kurang daripada empat belas hari sebelum mesyuarat sedemikian, notis resolusi yang dicadangkan untuk bergabung dengan, atau menjadi anggota, badan perunding atau badan seumpamanya itu.

(2) (a) Suatu kesatuan sekerja berdaftar boleh membentuk dengan mana-mana kesatuan sekerja berdaftar yang lain, bergabung dengan, atau menjadi anggota, mana-mana badan perunding atau badan yang seumpamanya, dengan apa pun nama yang dipanggil, yang ditubuhkan di dalam Malaysia, yang tidak meneruskan atau tidak berniat untuk meneruskan mana-mana tujuan tertera dalam tafsiran "kesatuan sekerja" di dalam seksyen 2(1) selain daripada peraturan perhubungan di antara orang-orang kerja dan orang-orang kerja atau di antara majikan-majikan dan majikan-majikan, mengikut mana yang berkenaan, jika kebenaran anggota-anggota kesatuan sekerja yang berdaftar telah diperolehi oleh suatu undi majoriti yang diambil di suatu mesyuarat agung atau suatu mesyuarat wakil-wakil, setelah disampaikan kepada anggota-anggota atau wakil-wakil, mengikut mana yang berkenaan, tidak kurang daripada empat belas hari sebelum mesyuarat sedemikian, notis resolusi yang dicadangkan untuk membentuk, bergabung dengan, atau menjadi anggota, badan perunding atau badan yang seumpamanya itu.

(b) Kesatuan sekerja yang berkenaan hendaklah dalam masa enam puluh hari dari pembentukan, pergabungan atau keanggotaan yang dirujuk di perenggan (a) memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai pembentukan, pergabungan atau keanggotaan itu

dan pemberitahuan itu mestilah dilampirkan dengan suatu kenyataan butir-butir yang dirujuk di dalam seksyen 76B(2).

(3) Jika mana-mana kesatuan sekerja telah pun bergabung dengan, atau adalah anggota mana-mana badan perunding atau badan yang seumpamanya, yang ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini yang telah dimansuhkan sebelum sahaja subseksyen ini dikuatkuasakan, kesatuan sekerja itu akan dianggap telah memperolehi kebenaran Ketua Pengarah seperti-mana yang dirujuk di dalam subseksyen (1) atau telah memberitahu Ketua Pengarah seperti-mana yang dikehendaki di bawah subseksyen (2), mengikut mana yang berkenaan.

#### **76B. Permohonan kebenaran untuk membentuk atau bergabung dengan badan-badan perunding.**

(1) Tiap-tiap permohonan untuk kebenaran Ketua Pengarah yang disebut di bawah seksyen 76A(1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah ditandatangani oleh sekurang-kurangnya tiga pegawai utama kesatuan itu.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dilampirkan dengan suatu salinan perlembagaan dan kaedah-kaedah badan perunding atau badan yang seumpamanya dan suatu kenyataan mengenai butir-butir berikut, iaitu:

- (a) nama badan tersebut dan alamat ibu pejabatnya;
- (b) tujuan-tujuan untuk apa badan itu ditubuhkan;
- (c) titel, nama, tarikh lahir, alamat dan pekerjaan tiap-tiap pemegang jawatan badan tersebut dan lain-lain maklumat dan butir-butir mengenai pemegang jawatan sedemikian yang Ketua Pengarah boleh minta diberikan kepadanya; dan
- (d) apa-apa jua maklumat dan butir-butir pemegang jawatan berhubungan dengan badan tersebut atau seseorang yang berkaitan dengannya atau dengan permohonan itu yang Ketua Pengarah boleh minta diberikan.

**76c. Kuasa Ketua Pengarah untuk menarik balik kebenaran atau mengisytiharkan gabungan tak sah.**

Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa—

- (a) mana-mana kesatuan sekerja yang digabungkan dengan, atau adalah anggota kepada, mana-mana badan perunding atau badan yang serupa; atau
- (b) badan perunding atau badan yang serupa yang kesatuan sekerja tersebut itu bergabung dengan, atau yang ia adalah anggota,

telah bertindak atau sedang bertindak melanggar sesuatu peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau sesuatu syarat yang dikenakan olehnya, Ketua Pengarah boleh—

- (a) dalam hal sesuatu kesatuan sekerja yang kebenaran telah diberi di bawah seksyen 76A(1), menarik balik kebenaran tersebut; atau
- (b) dalam hal sesuatu kesatuan sekerja yang telah memberi pemberitahuan kepada Ketua Pengarah di bawah seksyen 76A(2), mengisytiharkan gabungan atau keanggotaan tersebut sebagai tidak sah,

dan apabila ia ditarik balik atau diisytiharkan, kesatuan sekerja tersebut hendaklah berhenti bergabung dengan atau menjadi anggota badan perunding atau badan yang seumpamanya.

**76d. Kewajipan untuk memberitahu Ketua Pengarah mengenai perantikan ke jawatan atau bekerja di badan perunding.**

(1) Jika seseorang anggota, pegawai atau pekerja suatu kesatuan sekerja memegang sesuatu jawatan atau diambil kerja oleh sesuatu badan perunding atau badan yang seumpamanya, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, sebelum atau selepas sahaja penguatkuasaan Bahagian ini, dia hendaklah dalam tempoh enam puluh hari daripada penguatkuasaan Bahagian ini, atau dalam tempoh enam puluh hari dari perlantikannya ke jawatan itu atau pekerjaan itu, mengikut mana yang berkenaan, memberitahu Ketua Pengarah mengenai perantikan atau pekerjaan tersebut:

Dengan syarat bahawa maklumat sedemikian tidak boleh membebaskannya daripada sesuatu kehendak di bawah sesuatu undang-undang bertulis berhubungan dengan perantaraan atau pekerjaan sedemikian.

(2) Seseorang yang menjadi seorang anggota eksekutif sesuatu kesatuan sekerja yang mana pendaftarannya telah dibatalkan di bawah Akta ini tidak boleh memegang jawatan atau diambil kerja oleh sesuatu badan perunding atau badan yang seumpamanya melainkan dengan kebenaran bertulis Menteri dan tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan olehnya.

#### **76E. Pemakaian Akta Pertubuhan 1966 ke atas badan perunding.**

Tiada apa-apa di dalam Bahagian ini boleh menjadikan atau ditafsirkan sebagai menjadikannya tidak terpakai kepada suatu badan perunding atau badan yang seumpamanya yang disebutkan di dalam Bahagian ini sebagai peruntukan-peruntukan Akta Pertubuhan 1966 atau sesuatu undang-undang bertulis yang lain yang berhubungan dengan pendaftaran atau merekodkan pertubuhan-pertubuhan.

#### **76F. Tafsiran perunding atau badan seumpamanya.**

Bagi maksud-maksud Bahagian ini ungkapan "perunding atau badan yang serupa" termasuk sesuatu majlis kesatuan sekerja, badan penyelarasan atau penasihat kesatuan sekerja, sekretarial kesatuan atau sesuatu pertubuhan lain yang terdiri daripada kesatuan-kesatuan sekerja selain daripada persekutuan kesatuan sekerja yang didaftarkan atau yang perlu didaftarkan di bawah Bahagian XII.

## BAHAGIAN XIII

### PERUNTUKAN PERALIHAN DAN PEMANSUHAN

#### **77. Peruntukan peralihan yang berhubungan dengan kesatuan sekerja yang wujud.**

(1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, tiap-tiap kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah Enakmen Kesatuan Sekerja 1940 sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini (selepas daripada ini di dalam seksyen ini disebutkan sebagai kesatuan sekerja yang wujud) hendaklah semasa tempoh enam bulan berikutan dari tarikh mula penguatkuasaannya disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Dalam tempoh enam bulan daripada tarikh ianya mula berkuatkuasanya Akta ini suatu kesatuan sekerja yang wujud boleh menghantarkan kepada Ketua Pengarah suatu permohonan yang pendaftaran di bawah seksyen 8, bersama-sama dengan suatu kenyataan am mengenai aset dan liabiliti kesatuan sekerja itu yang disediakan dalam bentuk sedemikian dan mengandungi butir-butir yang boleh ditetapkan:

Dengan syarat bahawa permohonan tersebut tidak perlu dilampirkan bersama suatu salinan kaedah-kaedah dan butir-butir yang dikehendaki oleh seksyen 10(2) melainkan jika Ketua Pengarah, dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permohonan dibuat, memerlukannya.

(3) Suatu kesatuan sekerja yang wujud tidak boleh didaftarkan melainkan Ketua Pengarah berpuas hati bahawa ianya mematuhi Akta ini.

(4) Sekiranya sesuatu kesatuan sekerja yang wujud gagal menghantarkan suatu permohonan untuk pendaftaran mengikut subseksyen (2) dalam tempoh enam bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini ia hendaklah sebaik sahaja apabila tamat tempoh tersebut disifatkan sebagai telah dibubarkan, dan wangnya hendaklah dilupuskan mengikut kaedah-kaedah kesatuan itu.



## **78. Peruntukan peralihan berhubungan dengan persekutuan yang ada.**

(1) Tertakluk kepada seksyen ini, tiap-tiap persekutuan kesatuan sekerja berdaftar di bawah Enakmen Kesatuan Sekerja 1940 Persekutuan Negeri-Negeri Melayu, sebagaimana yang diperluaskan berkuatkuasa di seluruh Persekutuan melalui Ordinan Kesatuan Sekerja 1946, Ordinan Kesatuan Sekerja dan Pertikaian Kesatuan Sabah, Ordinan Kesatuan Sekerja Sarawak, mengikut mana yang berkenaan, sebelum sahaja berjalan kuatkuasanya Akta ini (selepas daripada ini di dalam seksyen ini disebutkan sebagai persekutuan yang wujud) hendaklah dalam tempoh enam bulan berikutan dari tarikh berjalan kuatkuasanya disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Dalam tempoh enam bulan dari tarikh berjalan kuatkuasanya Akta ini suatu persekutuan yang wujud boleh menghantarkan kepada Ketua Pengarah suatu permohonan untuk pendaftaran di bawah seksyen 73; dan tiada persekutuan yang wujud sedemikian boleh didaftarkan melainkan Ketua Pengarah berpuas hati bahawa ianya mematuhi dan telah ditubuhkan dengan cara menurut seksyen 72.

(3) Sekiranya sesuatu persekutuan yang wujud gagal menghantar suatu permohonan bagi pendaftaran menurut subseksyen (2) dalam tempoh enam bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini ianya hendaklah sebaik sahaja apabila tamat tempoh sedemikian disifatkan sebagai dibubarkan dan wangnya hendaklah dilupuskan dengan cara yang boleh ditetapkan.

## **79. Pemansuhan.**

Enakmen Kesatuan Sekerja 1940 Persekutuan Negeri-Negeri Melayu sebagaimana diperluaskan untuk berkuatkuasa ke seluruh Persekutuan berdasarkan Ordinan Kesatuan Sekerja 1946, dan Ordinan Kesatuan Sekerja 1946, Akta Kesatuan Sekerja 1965, Ordinan Kesatuan Sekerja dan Pertikaian Kesatuan Sabah dan Ordinan Kesatuan Sekerja Sarawak adalah dengan ini dimansuhkan.

Dengan syarat bahawa semua perantikan, peraturan, kaedah yang dibuat dan semua sijil yang dikeluarkan di bawah Enakmen sedemikian sebagaimana yang diperluaskan dan berkuatkuasa pada mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah terus berkuatkuasa dan berjalan kuatkuasanya seolah-olah telah dibuat dan dikeluarkan di bawah Akta ini sehingga peruntukan-peruntukan lain dibuat di bawah Akta ini.

**JADUAL PERTAMA**  
**(SEKSYEN 38)**

**PERKARA-PERKARA DI MANA PERUNTUKAN MESTI DIBUAT DALAM KAEDAH-  
KAEDAH TIAP-TIAP KESATUAN SEKERJA BERDAFTAR**

1. Nama kesatuan sekerja itu dan tempat pertemuan bagi perniagaan kesatuan sekerja itu.
2. Semua tujuan-tujuan untuk apa kesatuan sekerja itu ditubuhkan, maksud-maksud wangnya dipakai, syarat-syarat yang seseorang anggotanya boleh berhak kepada sesuatu faedah yang dijanjikan, dan denda dan lucuthak yang dikenakan atas mana-mana anggota darinya.
3. Cara membuat, menukar, meminda dan membatalkan kaedah-kaedah.
4. (a) Perlantikan anggota-anggota eksekutif kesatuan sekerja itu menurut kaedah-kaedah kesatuan.  
  
(b) Tertakluk kepada perenggan (a), pencalonan, perlantikan atau pengundian dan pemecatan seseorang pegawai, pemegang amanah, setiausaha, bendahari dan pekerja-pekerja kesatuan sekerja itu.  
  
(c) Larangan mengambil kerja semua pegawai dan pekerja kesatuan sekerja itu oleh kesatuan sekerja yang lain.
5. Hak jagaan dan pelaburan wang kesatuan sekerja itu dan memerihalkan orang yang bertanggungjawab mengenainya dan audit tahunan atau berkala atau akaunnya.
6. Pemeriksaan buku-buku dan nama-nama anggota kesatuan sekerja itu oleh mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dalam wang kesatuan sekerja itu.
7. Cara pembubaran kesatuan sekerja itu dan pembubaran wang yang boleh didapati pada masa pembubaran tersebut.
8. Di mana boleh dipakai, cara penubuhan dan pembubaran sesuatu cawangan kesatuan sekerja itu dan cara bagaimana cawangan sedemikian dan akaunnya ditadbirkan.
9. Pengambilan keputusan melalui undi sulit bagi perkara-perkara berikut:
  - (a) perlantikan wakil-wakil ke suatu mesyuarat agung, jika kaedah-kaedah kesatuan itu memperuntukkan bagi mesyuarat wakil-wakil atau ke persekutuan kesatuan sekerja;
  - (b) perlantikan pegawai-pegawai (selain daripada pemegang amanah) oleh anggota-anggota mengikut kaedah-kaedah kesatuan;
  - (c) semua perkara yang berhubungan dengan mogok atau tutup-pintu;
  - (d) pengenaan levi;

- (e) pembubaran kesatuan sekerja atau persekutuan kesatuan sekerja;
- (f) pindaan kaedah-kaedah di mana pindaan-pindaan sedemikian menyebabkan kenaikan liabiliti anggota-anggota untuk mencarum atau mengurangkan faedah-faedah yang anggota-anggotanya berhak;
- (g) penyatuan dengan kesatuan lain atau memindahkan perjanjian-perjanjian kepada kesatuan sekerja lain.

10. Prosedur bagi mencabut undi, menentukan kerahsiaan undi dan menjaga kertas undi bagi tempoh yang ditetapkan.

11. Cara bagaimana pertelingkahan yang disebutkan di dalam Bahagian VI Akta Kesatuan Sekerja 1959 diputuskan.

12. Penghentian keanggotaan jika anggota-anggota mula mengambil bahagian atau sebaliknya bertindak lanjutan dari sesuatu mogok yang melanggar seksyen 25A(1).

**JADUAL KEDUA**  
**(Dimansuhkan)**

---

**JADUAL KETIGA**  
**(Seksyen 27(3)(c))**

*Nama institut, tempat  
dan badan*

Hospital Universiti yang dirujuk  
di dalam statut XXVIII yang dibuat  
di bawah Perlembagaan Universiti  
Malaya.

*Nama badan atau  
pihak berkuasa*

Lembaga Hospital mengenai  
pengurusan ditubuhkan di bawah  
statut XXVIII yang dibuat di bawah  
Perlembagaan Universiti Malaya.

*Seksyen 20 Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2007 (Akta A1324) adalah seperti berikut:—*

**20. Pengesahan.**

Sesuatu kesatuan sekerja yang keanggotaannya terdiri daripada pekerja yang diambil kerja di tempat urusan atau pekerjaan seseorang majikan, termasuk mana-mana bahagian atau cawangan tempat urusan atau pekerjaan itu dan yang telah didaftarkan sebelum 5 Mei 1989, yang merupakan tarikh istilah “establishment” sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta ibu mula berkuat kuasa, hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai telah didaftarkan secara sah dan menurut undang-undang dan terus wujud seolah-olah kesatuan sekerja itu telah didaftarkan di bawah Akta ibu pada 5 Mei 1989.

# AKTA KESATUAN SEKERJA 1959

(Akta 262)

## SENARAI PINDAAN

<i>Undang-undang yang meminda</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Berkuatkuasa dari</i>
Akta A717	Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989	9.2.1989
Akta A732	Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989	4.5.1989
Akta A798	Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1991	15.6.1991
Akta A1324	Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2007	28.2.2008